

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 13 Disember 2013 (Jumaat)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

| Bil. | Nama | Ahli Kawasan/Jawatan |
|-------------|--|--|
| 1. | Y.A.B. Lim Guan Eng | Ketua Menteri / Air Putih |
| 2. | YB. Dato' Law Choo Kiang | Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri |
| 3. | YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon | Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak |
| 4. | YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy | Timbalan Ketua Menteri II/Perai |
| 5. | YB. Chow Kon Yeow | Padang Kota |
| 6. | YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim | Batu Maung |
| 7. | YB. Chong Eng | Padang Lalang |
| 8. | YB. Lim Hock Seng | Bagan Jermal |
| 9. | YB. Law Heng Kiang | Batu Lancang |
| 10. | YB. Phee Boon Poh | Sungai Puyu |
| 11. | YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh | Datok Keramat |
| 12. | YB. Dr. Afif Bin Bahardin | Seberang Jaya |
| 13. | YB. Maktar Bin Haji Shapee | Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap |
| 14. | YB. Wong Hon Wai | Air Itam |
| 15. | YB. Ong Kok Fooi | Berapit |
| 16. | YB. Dr. Norlela Binti Ariffin | Penanti |
| 17. | YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man | Permatang Pasir |
| 18. | YB. Tanasekharan A/L Autherapady | Bagan Dalam |
| 19. | YB. Yeoh Soon Hin | Paya Terubong |

| Bil. | Nama | Ahli Kawasan/Jawatan |
|-------------|--|-----------------------------|
| 20. | YB. Teh Yee Cheu | Tanjong Bunga |
| 21. | YB. Ong Chin Wen | Bukit Tengah |
| 22. | YB. Lau Keng Ee | Pengkalan Kota |
| 23. | YB. Cheah Kah Peng | Kebun Bunga |
| 24. | YB. Lim Siew Khim | Sungai Pinang |
| 25. | YB. Teh Lai Heng | KOMTAR |
| 26. | YB. Yap Soo Huey | Pulau Tikus |
| 27. | YB. Soon Lip Chee | Jawi |
| 28. | YB. Lee Khai Loon | Machang Bubuk |
| 29. | YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa | Batu Uban |
| 30. | YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid | Telok Ayer Tawar |
| 31. | YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad | Pulau Betong |
| 32. | YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria | Sungai Acheh |
| 33. | YB. Mohd Zain Bin Ahmad | Penaga |
| 34. | YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor | Sungai Dua |
| 35. | YB. Nordin Bin Ahmad | Bayan Lepas |
| 36. | YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah | Telok Bahang |
| 37. | YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman | Bertam |

TIDAK HADIR - DENGAN MAAF

| Bil. | Nama | Ahli Kawasan/Jawatan |
|-------------|--|-----------------------------|
| 1. | YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji | Seri Delima |
| 2. | YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin | Pinang Tunggai |
| 3. | YB. Omar Bin Haji Abd Hamid | Permatang Berangan |

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

| Bil. | Nama | Jawatan |
|-------------|--------------------------------------|--------------------------------|
| 1. | YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus | Setiausaha Kerajaan Negeri |
| 2. | YB. Dato' Faiza Binti Zulkifli | Penasihat Undang–Undang Negeri |
| 3. | YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait | Pegawai Kewangan Negeri |

TURUT HADIR

Cik Maheswari a/p Malayandy

-

Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, bacaan doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh bin Man):

Membaca "DOA"

Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan dalam sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014 dan saya minta Air Putih meneruskan penggulungan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan penggulungan saya semalam berkaitan dengan beberapa pandangan yang diberikan oleh Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini berkaitan dengan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Umum diketahui bahawa kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bertambah kukuh sejak lima (5) tahun yang lalu hasil daripada kawalan dalaman perbelanjaan, pengendalian perbelanjaan berhemah dan usaha berterusan dalam menambah hasil Negeri, keberkesanan pentadbiran kewangan berteraskan atau *budget based administration* ...(dengan izin) dan seterusnya peralihan kepada pentadbiran berteraskan hasil atau *outcome based administration*, Urus Tadbir (CAT) Cekap, Akauntabiliti, Telus untuk penggal kedua Kerajaan Pakatan Rakyat adalah tertera dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Umum bahawa keberkesanan demikian khususnya *budget based administration* yang menangani rasuah secara pengisian aset secara terbuka, menghalang ahli-ahli keluarga daripada berurusan dengan Kerajaan Negeri dalam bidang perniagaan telah mencatatkan lebih bajet setiap tahun tambahan pendapatan, tambahan nilai aset dan pengurangan hutang. Pulau Pinang dipuji menguruskan pentadbiran kewangan antara yang terbaik dalam Negara oleh Laporan Ketua Audit Negara, perolehan daripada *budget based administration* kepada *outcome based administration* boleh melihat hasil sekiranya kita membuat perbandingan di antara prestasi MPPP dengan DBKL.

Berdasarkan kepada keberkesanan produktiviti perbelanjaan mengurus, saya memilih DBKL dengan MPPP kerana kedua-dua adalah kawasan bandar supaya perbandingan sedemikian adalah lebih konsisten dan lebih serasi. Kalau kita lihat dari segi jumlah perbelanjaan mengurus untuk DBKL besar RM1.4 bilion setahun, MPPP hanya RM194 juta sahaja. *Now*, untuk membuat perbandingan yang serasi kita boleh

lihat dari aspek penduduk, isi rumah ataupun keluasan kawasan. MPPP mempunyai penduduk sebanyak 660 ribu orang. DBKL 1.55 juta orang, kalau kita lihat perbelanjaan perkapita bermakna perbelanjaan mengurus oleh MPPP adalah sebanyak RM176.00 seorang manakala untuk DBKL adalah sebanyak RM907.00 seorang, iaitu lima (5) kali lebih besar daripada Pulau Pinang untuk MPPP. Kalau kita lihat dari segi perkapita *basis* saya rasa dengan pencapaian Pulau Pinang *most liveable city in Malaysia* oleh ACIA Impian National pada tahun 2011 di mana buat kali pertamanya Pulau Pinang melebihi Kuala Lumpur sebagai *most liveable city in Malaysia*, saya rasa ini menunjukkan bahawa tentu kita dapat *value for money* iaitu sungguhpun kita belanjakan lima (5) kali ganda kurang untuk seseorang tetapi nilai yang diperolehi adalah lebih besar. Kalau kita lihat bukan saja perkapita orang tapi kita lihat dari isi rumah *household*. Untuk MPPP setiap isi rumah perbelanjaan mengurus ialah RM1,170.00, iaitu DBKL RM3,348.00, kalau untuk keluasan kita sebut dari segi keluasan di kawasan MPPP. Saya rasa perbezaan lebih ketara, keluasan Pulau dengan keluasan kawasan MPPP dengan keluasan kawasan DBKL mengikut ukuran jumlah perbelanjaan mengurus untuk setiap kilometer persegi MPPP membelanjakan RM258,997.00 atau hampir RM259 ribu. Untuk DBKL untuk setiap kilometer persegi DBKL membelanjakan RM5.8 juta iaitu satu (1) perbandingan perbezaan 22 kali ganda berbanding dengan MPPP.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang telah berupaya memenuhi dan mendukung prinsip *outcome based administration* iaitu pentadbiran berteraskan hasil iaitu kita nak lihat *value for money* dan ...(dengan izin), *spend less for more*, so kita sungguhpun membelanjakan lebih kurang tapi kita dapat lebih banyak iaitulah sebabnya daripada penggal pertama bila kita lancarkan *budget based administration* supaya kita dapat menutup semua ketirisan baik dari segi rasuah, kemiskinan, pembaziran ataupun *inefficiency* saya rasa kita telah bertungkus lumus untuk menjadikan Pulau Pinang bebas daripada rasuah dan juga bebas daripada kemiskinan, tapi usaha ini kita nampak kejayaan dan apabila kita berjaya kita harus melonjak ke peringkat yang lebih tinggi iaitu apa yang saya sebut tadi *outcome based administration* iaitu pentadbiran berteraskan hasil. Kita boleh lihat ia memang telah mencapai atau mencatat beberapa kejayaan dengan membelanjakan kurang, tapi mendapat lebih dari segi pencapaian ataupun perkhidmatan kepada rakyat.

Saya rasa itu harus diperkasakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja di peringkat sekejap bukan sahaja di peringkat Kerajaan Negeri tetapi juga semua agensi kerajaan. Saya rasa kita boleh lihat berapa kejayaan yang ketara kerana umum semua tahu bahawa Pulau Pinang pada suatu masa dianggap sebagai satu negeri yang kotor, Negeri Darul Sampah ini telah mulai bersinar semula sebagai negeri yang bersih yang menjadi satu destinasi pilihan ramai pelancong, sampai hari-hari kita pun kena jem dan saya tahu Yang Berhormat kena datang awal-awal kalau tidak nanti kena jem kerana musim cuti, kalau kita lihat sebelum ini dan sekarang jauh berbeza begitu ramai nak datang ke Pulau Pinang, sila.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya datang awal memang kena jem, telefon dekat Weld Quay ada satu kemalangan ini merupakan satu kematian sebab ada mayat terbaring di atas jalan. Saya bangun nak bertanya sebab Yang Amat Berhormat terlalu berasa bangga dengan *open tender*, yang saya tahu bila kita mengeluarkan satu dokumen, panggil semua

masuk berdasarkan kepada spesifikasi *rule* yang sama so masing-masing kontraktor pakat masukkan harga *beat* siapa meletak harga yang paling rendah sekali itu *open tender* tapi bila *based on proposal* memang hantar mereka bubuh setem masing-masing, hanya berdasarkan kepada *brief* yang diberikan selepas itu dipanggil dan ada *negotiation* dan pada masa itu berlalu semua orang tak tahu. Itu bukan *open tender* tapi itu *negotiation tender*, *open* betul mula dengan *open* panggil *discuss* bincang dan pada masa itu pasal mengatakan unsur-unsur rasuah ke penambahan harga dan sebagainya kita tak tahu, itu tak menggerentikan bahawasanya itu adalah *open tender* yang betul-betul telus. Kalau telus siapkan *drawing* yang sama, spesifikasi yang sama, dokumen yang sama panggil semua orang, buat *beading*, itu baru telus kalau bermula *request on proposal* masuk ada *negotiation* dan sebagainya ada peringkat *by* peringkat itu sebenarnya tidak menjamin ketelusan YB. Air Putih, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dari YB. Pulau Betong masih terkongkong dengan *mindset* BN iaitu tentang itu....(gangguan), biar saya habis dahulu. Bahawa bila kita panggil RFP kerana selepas kita pilih yang paling baik kita tak boleh membuat tawaran untuk lagi baik lagi bagi pihak Kerajaan Negeri. Saya ingin sebut di sini saya harap boleh sebutlah contoh di mana kita tidak menghormati prinsip tender terbuka. Saya rasa pada satu masa ada tuduhan yang dibuat oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tentang RFP untuk Bayan Mutiara, di mana didakwa kita tak berjalan atau menjalankan tender terbuka sedangkan RFP adalah dibuat secara tender terbuka dan kita pilih mengikut konsep, mengikut perancangan yang dibuat, kita pilih harga yang paling tinggi, supaya kita dapat pulangan yang paling baik. Apa yang berlaku ialah selepas kita pilih harga yang paling tinggi iaitu RM240.00 sekaki persegi yang ditawarkan ialah pembayaran untuk lapan (8) tahun, kita runding lagi untuk dikurangkan kepada lima (5) tahun. Saya rasa perkara ini telah pun disiasat oleh SPRM dan SPRM pun cakap tak ada masalah. So itulah sebabnya mungkin YB. Pulau Betong tak faham kerana sebelum ini BN tak pernah buat tender terbuka so itulah sebabnya, asalnya bila kita buat tender terbuka kita pilih yang paling baik macam kes Bayan Mutiara pilih yang paling tinggi, lepas itu kita pilih yang paling tinggi iaitu tender terbuka, syarat-syarat sudah dipenuhi, lepas itu kita nak memperbaiki syarat untuk Kerajaan Negeri dia nak bayar lapan (8) tahun. Kita cakap jangan kurangkan dari lapan (8) tahun kepada lima (5) tahun ada salah tak? Ada salah macam ini tak? Bila ia nak membawa kebaikan dan manfaat untuk Kerajaan Negeri. Saya rasa itu adalah satu inovasi, satu pendekatan kreatif supaya kita boleh menambahkan hasil kepada Kerajaan Negeri tetapi, saya tidak salahkan Yang Berhormat kerana mungkin sebelum ini Yang Berhormat tak biasa, kerana tak pernah buat tender terbuka, kita ada kaji, kita faham. Dalam perkara ini bila dakwaan dibuat tentang amalan-amalan yang tidak sihat, Yang Berhormat pun tahu saya telah saman seorang rakan daripada parti UMNO berkaitan dengan tuduhan fitnah dan jahat ini. So itu *clear*, semua pihak berkenaan *clear* kerana memang *clear*, memang tender terbuka pilih paling baik, lepas pilih yang paling baik kita runding lagi untuk memperbaiki syarat bagi pihak Kerajaan Negeri. Sila.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat untuk nak kata saya tak faham tentang tender terbuka saya rasa itu satu tuduhan yang tak baik, saya belajar, saya praktis, kesemuanya *standard* saya buat Yang Amat Berhormat. Ini bukan perkara baru dalam diri saya tapi dari segi

tender ini, saya tahu apa itu *open* tender, apa itu memang saya buat dokumen dan sebagainya saya tahu. Sebab itu saya mempertikaikan sebab ada unsur-unsur *division* di situ, bila ada perbincangan itu yang saya kata mungkin ada elemen-elemen yang saya mungkin tidak berlaku adil kepada kontraktor yang lain. Kalau ada ketelusan kenapa tak jemput kami Ketua Pembangkang sebagai Jawatankuasa Penilai pada setiap RFP dibuat. Sebab kita tahu, walaupun kita tak buat, saya nak lihat betulkah perkara ini dibuat dan barulah Kerajaan Negeri mengakui bahawasanya memang *open tender* yang dilakukan ini adalah telus, tak payah saya mendengar tanggapan daripada syarikat luar tidak berlaku adil kepada petender-petender sebab itu saya kata kalau nak tender nak telus sediakan dokumen yang sama, spesifik yang sama, *drawing* yang sama, berkaitan yang sama serahkan kepada kontraktor atau pembida atau pemaju dan mereka pilih itu baru betul-betul *open tender* yang telus dan pilih yang terbaik dan terendah. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Pulau Betong cakap faham, tapi sebenarnya masih tak faham sungguhpun cakap tahu tentang tender terbuka tapi nampaknya tak faham yang saya telah jelaskan tadi dan saya ulangi sekali lagi dan bila kita buat RFP secara terbuka bila kita pilih kita pilih syarikat yang tawarkan harga paling tinggi untuk Bayan Mutiara, tak ada syarikat-syarikat lain yang berikan tawaran yang lebih tinggi. Saya cakap macam ini sebagai contoh kerana ini telah diungkit oleh pihak Pembangkang sebelum ini, so saya bagi sebagai contoh yang lain-lain saya boleh jawab, so yang proses pertama, kita ikut habis tender terbuka, bila kita pilih yang paling baik, lepas ini yang paling baik kita runding semula buat lagi baik, lagi baik daripada baik, dan dengan seperti yang saya tadi asalnya tawaran yang lapan tahun untuk membuat bayaran habis lepas ini kita buat rundingan supaya dikurangkan kepada lima tahun. Di sini saya rasa itu adalah satu pendekatan yang kreatif kerana ia menambahkan hasil kepada Kerajaan Negeri. Saya rasa YB. Pulau Betong ialah seorang peniaga yang baik pun tahu bahawa kalau bayar lima (5) tahun bayar lapan (8) tahun, banyak perbezaan betul tak? So di sini tentulah dia manfaat kepada Kerajaan Negeri dan untuk tender-tender lain, kita ikut prosedur yang ditetapkan tak lari mana-mana pun. Saya rasa bangga sungguhpun saya setuju bahawa kalau kita nak mencapai menuju ke arah bandar raya bertaraf antarabangsa dan pintar kita masih kena berusaha lagi. Saya harap itu pihak pembangkang boleh sama-sama berganding untuk mencapai bagi pihak rakyat Pulau Pinang, tapi saya bangga bahawa Kerajaan Negeri adalah sebuah Kerajaan Negeri yang bersih dan telus.

Saya harap mungkin dari segi politik tentulah ada kepentingan tertentu tapi *transparency international* sendiri pun berikan pujian kepada Kerajaan Negeri mana ada negeri-negeri lain yang dipuji oleh *transparency international* tak ada Kerajaan Malaysia pun tak ada, malah semalam buku *Financial Integrity Report* yang mendedahkan lagi bahawa wang haram yang alir keluar daripada negara Malaysia berlambak-lambak dan Malaysia secara perkapita mempunyai satu rekod yang saya rasa tidak membanggakan iaitu rekod perkapita pengaliran duit haram *dirty money* perkapita yang paling tinggi di dunia, itulah sebab *world journal* dan *transparency international* menggelar Malaysia *the most corrupted country in the world*, hadiah Barisan Nasional. so itulah sebabnya saya harap kalau ada apa-apa bukti tolong bagi kepada Kerajaan Negeri kita akan siasat kita akan ambil tindakan kalau ada bukti kukuh yang penting ialah pendekatan sudah kawalan dalaman sudah ada.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat saya nak minta sikit penjelasan daripada Yang Berhormat, pemindahan wang haram itu yang atas oleh Kerajaan atau individu, atau syarikat kenapa nak kaitkan dengan Barisan Nasional?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa mungkin YB. Pulau Betong boleh baca dalam *internet global financial integrity report* di mana disebut ada tiga (3) punca utama. Satu saya bagi penjelasan. Satu ialah unsur-unsur jenayah, kedua ialah lari cukai, ketiga rasuah. Tiga (3) punca utama. Malaysia dari segi perkapita paling tinggi, kalau kita lihat dari segi kedudukan Malaysia nombor empat (4) bilangan yang alir dalam sepanjang sepuluh (10) tahun ini satu RM1.2 trilion atau 380 bilion US Dollar dalam 10 tahun ini. Keempat dan tapi dari segi perkapita macam mana kita boleh tanding dengan penduduk dari China, dari India dengan Mexico, tapi dari segi penduduk kita mempunyai penduduk yang paling kecil, tapi kita *top ten* perkapita Malaysia jaguh Malaysia apa pun tak ada jaguh, jaguh rasuah itu ada. Dan saya rasa itulah yang kita cuba....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta penjelasan. Terima kasih Air Putih, tadi Air Putih ada juga menjelaskan ada tiga (3) sebab pengaliran wang haram ini keluar. Berkemungkinan kita pun tak tahu dari segi komponen peratusannya urusan-urusan jenayah ini penjenayah yang mendapat wang dari aktiviti haram dan sebagainya mengeluarkan duit itu keluar simpan duit di Switzerland kah kita tak tahu kemudian lari dari cukai. Orang-orang yang berniaga yang lari dari cukai kemudian rasuah, rasuah kita pun tak tahu siapa yang rasuah, jadi kenapa nak diletakkan ke atas ataupun dipikul oleh Barisan Nasional pula walhal ini adalah kebanyakan berbentuk *commercial criminal* dan sebagainya. Kita kalau nak cakap itu berlaku adillah biarlah jangan melulu sahaja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Laporan ini disiapkan oleh pakar-pakar ekonomi yang pernah berkhidmat di Bank Dunia mereka semua adalah daripada universiti-universiti gemilang so yang terulung dari segi perangkaan semua ada dan bila kita sebut tentang punca tentu Bank Negara akan pertikaikan sebagainya tapi hakikatnya ialah mereka berdasarkan angka-angka yang diberikan dalam Laporan atau Lembaran Kewangan Bank Negara. Tiga (3) punca Yang Berhormat sebut tadi lari cukai, jenayah, rasuah. Rasuah ini saya kira tahu biasanya melibatkan pemimpin-pemimpin pentadbiran. Kalau kita lihat skandal-skandal yang berlaku, saya tak mahu sebut skandal yang sebelum ini hanya dua (2) sudah cukup, satu ialah skandal Port Klang Free Zone skandal RM13.85 bilion, habis tak ada seorang kena hukum semua lepas.

Satu (1) lagi ialah skandal saham Bumiputera RM52 bilion sudah hilang diakui oleh sendiri Y.A.B. Perdana Menteri tetapi mengapa RM52 bilion saham Bumiputera yang sepatutnya bagi kepada orang Melayu miskin tak sampai kepada mereka, tak tahu pun lesap dikebas oleh sesiapa. Ini ialah masa *Pink Form* diberikan secara meluas diberikan mana-mana. Saya pergi kampung bila saya jumpa rakyat tak kira di

Pulau Pinang ataupun di luar Pulau Pinang saya selalu tanya adakah kawan-kawan orang-orang kampung pernah dapat saham, bumi saham ini semua jawapan yang diberikan tanya, tak ada. Macam saya tanya YB. Permatang Pasir tahun 90-an dia belum aktif lagi ada terima saham? Satu (1) ada tak, tak ada orang biasa tak ada mana pergi RM52 bilion saham Bumiputera yang patut bagi orang miskin Melayu miskin tak dapat. Itulah sebabnya kalau ia disiasat kalau ia diperiksa asal usul kita boleh paksa mereka yang telan bulat-bulat RM52 bilion saham ini, muntah keluar bagi balik sama orang Melayu dan Bumiputera miskin di Malaysia seperti mana yang dirancang. Dan itulah kepincangan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti saya habis dulu. Ini saya tengah berceramah macam ini janganlah *interject*, bagi habis dulu, saya akan bagi, tapi di sini mengapa tak mahu adakah siasatan ini skandal-skandal sedemikian yang menjadi masalah, mana perginya saham RM52 bilion dan kita telah mintakan berapa kali tubuhkan satu RCF Suruhanjaya Siasatan Diraja itu penting RM52 bilion, boleh bina sekurang-kurangnya 3 KLIA kalau dibagi kepada rakyat Malaysia banyak orang boleh dapat berapa, Sila Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Mengenai saham itu saya juga nak tanya Yang Berhormat. Siapakah ketika 90-an itu tak salah saya salah seorang Timbalan Menteri Kewangan beliau juga terlibat sekarang telah menjadi kawan kepada Yang Berhormat. Kenapa tidak dipanggil semua sekali mereka ini sama-sama muntah balik duit itu, di antara menteri-menteri lain, tak kiralah, daripada UMNO kah, bekas UMNO kah yang mana mereka ini semua terlibat pakat-pakat suruh muntah-muntah balik untuk kepentingan-kepentingan orang ramai. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Telok Bahang, ini saya perlu tanya sama Dato' Seri Anwar tentang perkara ini Dato' Seri Anwar satu (1) saham pun tak dapat. Kalau ada bukti bagi habis, kalau ada bukti saya minta Yang Berhormat. Buatlah laporan SPRM, SPRM bukan dikuasai oleh Pakatan Rakyat kalau ada bukti, ambil tindakanlah tak ada dan kita tak takut, kalau ada apa-apa siasatan kerana kalau Dato' Seri Anwar ada apa-apa silap sudah jauh kena, sudah lama kena, tak payah tunggu sampai sekarang 98 hingga sekarang sudah 15 tahun tak ada sila sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kalau bagi tahu macam itu memang la, kita orang politik ini pandai baling batu sembunyi tangan. Kalau dia bagi kepada kroni-kroni dia, saya tak tuduh kroni-kroni dia, takkanlah Yang Berhormat cakap macam Dato' Seri Anwar tak ada satu sen pun saham. Soalan saya ketika dia jadi, dia bagi pada siapa, siapa yang terima, mana pergi kawan-kawan. Itu persoalan saya. Takkan Y.A.B. Ketua Menteri bagi projek tender

bubuh nama Yang Amat Berhormat. Tidak akan berlaku macam itu. Persoalan saya berapa ramai duit itu diberi kepada siapa, ketika pemerintahan itu kita nak tahu. Sama-sama kita keluarkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Telok Bahang tetap takkan berlaku bagi pada orang sendiri, tetapi lembu ada bagi, lembu ada bagi pada ahli keluarga....(gangguan), bagi saya habis dulu. Bagi pada keluarga, masa itu Menteri dan Ketua Wanita UMNO. Dan kalau balik kepada saham, kalau Yang Berhormat dari pembangkang cakap bagi pada kroni-kroni, sendiri angkat bagi kepada kroni-kroni. Masa itu siapa yang digelar sebagai kroni utama Dato' Seri Anwar Ibrahim. Penyokong kuat utama Dato' Seri Anwar Ibrahim siapa? Siapa? Bukan YB. Chow, bukan Dato' Malik, bukan Dato' Rashid, bukan Pantai Jerjak. Bukan Batu Maung....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Malik kena *check* juga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Siapa penyokong paling kuat masa itu Dato' Seri Anwar? Naib presiden UMNO, dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi. Ingat tak? Ingat tak? Saya rasa lebih baik kalau macam ini Yang Berhormat Telok Bahang lupa sejarah la. Kena balik baca sejarah....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini cantik ini....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, ya biar saya habis dulu. Kalau macam ini cakap tentang kroni, banyak yang pemimpin kuat termasuk pemimpin UMNO sekarang. So di sini itulah saya sebut, biarlah kita tubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja. Siasat sampai habis macam mana rasuah sedemikian, di mana saham Bumiputera RM52 bilion boleh hilang. Supaya kita dapat balik agihkan semula kepada mereka yang miskin. Saya rasa itulah yang menjadi isu di kalangan rakyat Malaysia bukan sahaja orang Melayu marah, orang bukan Melayu pun marah. Kalau bantu untuk orang miskin mereka sokong. Tapi bantu balik-balik orang kaya. Itu yang menimbulkan kurang senang hati di kalangan rakyat. *You* nak lagi satu? Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Menyentuh pasal kawan baik, sahabat baik, soalan ini sensitif. Macam kes Pulau Mazu, gambar Yang Berhormat berada dengan penceroboh itu. Saya tidak kata yang itu kawan baik Yang Berhormat, *perception*. Dengan Dato' Zahid Hamidi, kalau Dato' Zahid Hamidi menyokong apa-apa hujah dalam Dewan apakah. Dan kita terus kata kawan baik. Sekarang saya nak tanya Yang Amat Berhormat. Saya nak tanya satu

soalan. Saya pun hairan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. Ini pun daripada kawan baik, kalau saya nak kata. Kawan baik Yang Berhormat. Boleh saya kata begitu. Cukuplah setakat itu ya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa yang pertama Yang Berhormat Telok Bahang dia orang baru, saya boleh bebaskan, tapi Yang Berhormat kena baca sejarah sikit. Siapa yang cakap, siapa yang cakap bahawa Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi ialah di antara penyokong paling kuat Dato' Seri Anwar Ibrahim, semasa Dato' Seri Anwar dalam UMNO. Siapa? Itu sebab saya minta rujuk balik sejarah. Siapa yang cakap? Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir. Kalau nak jadi Ahli Politik, mesti kenal sejarah. Jangan buta sejarah. Khususnya sejarah UMNO. Dan saya rasa saya tak mahu campur hal ehwal UMNO. Lebih baik Telok Bahang balik rujuk. Yang kedua, kalau sekadar gambar sahaja, tak jadi hal. Saya bukan cakap sekadar gambar saja. Saya sebut tentang apa yang dinyatakan, kita boleh lihat kenyataan Mantan Perdana Menteri sendiri. Saya rasa adalah idola ramai pemimpin UMNO.

Yang kedua, tentang Zenith. Oh yang dapat Zenith itu kawan baik saya. Dia dapat tender secara tender terbuka. Beliau menawarkan tender yang paling baik dan dia dipimpin oleh Dato' Abdul Zarul. Ini Dato' bukan diberitahu oleh Negeri Pulau Pinanglah. Tender ini dinilai oleh satu Jawatankuasa yang dipimpin oleh Pegawai Kewangan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Sekiranya ada apa-apa bukti, saya minta Yang Berhormat buatlah laporan kepada SPRM. Kerana semua ini telus kita bagi pada yang paling baik. Dan bukan sebaliknya.

Berkenaan dengan Mazu yang tadi disebut oleh Yang Berhormat Telok Bahang. Bahawa pembangkang bahawa Pulau Jerejak telah ditukar nama kepada Mazu Island. Sukar saya jelaskan di sini bahawa dakwaan ini adalah fitnah sama sekali. Sehingga sekarang pihak pembangkang masih tidak dapat tunjuk bahawa Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang telah meluluskan nama Pulau Jerejak ditukarkan kepada nama Pulau Mazu iaitu satu (1) dewa Buddha. Dan juga untuk membina Tokong Mazu di sana, tak pernah diluluskan. Saya kesal perkara sensitif yang palsu ini telah dimuatkan secara meluas dalam blog UMNO secara *racist* untuk mencemarkan lagi imej Kerajaan Negeri dan saya sebagai Ketua Menteri di kalangan orang Melayu dan Islam. Dakwaan ini... (gangguan), sekejap saya habis. Dakwaan ini adalah sangat berbahaya, kerana bersifat *racist* dengan cuba menimbulkan isu agama dan kaum. Sepatutnya semua peguam tahu bahawa sebarang penukaran nama Pulau mestilah melalui proses perundangan dan diwartakan. Sebenarnya bukan saja tidak ada sebarang pewartaan, malah tidak ada sebarang kelulusan oleh Kerajaan Negeri untuk Tokong Mazu yang didakwanya yang Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan kepada pihak yang berkenaan perkara ini pada masa yang sesuai. Sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang Berhormat Air Putih kalau rasa kesal, saya pun rasa kesal. Amat-amat kesal kerana apa yang saya cakap telah diputarbelitkan di sini. Saya nak bukti. Saya ada hansard. Verbatim apa yang saya cakap pada hari Isnin yang lepas. Saya baca balik pada Dewan yang mulia ini. Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar. Saya nak tarik perhatian pada satu perkara yang menarik di sini. Ini yang saya cakap hari itu.

"Iaitu di satu Pulau di Pulau Pinang telah diberi nama baru Mazu Island dan sebenarnya Mazu Island ini adalah Pulau Jerejak yang mana telah diberi nama baru oleh seorang pengusaha yang mempromosikannya dalam bentuk pelancongan yang telah dibina dan saya tunjuk gambar."

"Saya kata diberi nama baru oleh seorang pengusaha, saya tak kata Kerajaan Negeri bagi kebenaran, kelulusan, gazet dan sebagainya untuk tukar nama. Kita pun tahu. Kita pun tahu kalau tukar nama kita tahu prosedurnya tentunya gah. Saya tarik perhatian bahawa seorang pengusaha dan menjadikannya tempat untuk bersembahyang dewi laut, dewa ya, jadi di sini Dato' Speaker, saya rasa seluruh Negeri Pulau Pinang apa dah jadi. Saya pun seterusnya tanya apa dah jadi."

Saya tak buat tuduhan kepada Ketua Menteri ataupun kepada Kerajaan Negeri. Kenapa diputarbelitkan apa yang saya cakap untuk menjadikan *racial*. Adakah itu *racist*? Saya nak tanya Dewan, adakah apa yang saya cakap itu *racist*? Kemudian Pulau Jerejak ini telah dijadikan tempat pemujaan oleh banyak pihak pula. Sejak dibangkitkan sampai sekarang tidak ada tindakan. Tak tahulah mungkin kita tak tahu ada tindakan atau pemantauan. Tapi gambar-gambar baru diambil, baru dua (2) hari banyak tempat dijadikan tempat pemujaan. Dan inilah bahayanya kalau kita tak ambil tindakan. Saya minta dibuat pemantauan supaya kawasan-kawasan kita tidak dicerobohi ditukar guna, mungkin yang ditempatkan orang kusta tahanan itu dah usang. Dan pengusaha ini dah masuk, tukar guna dewan itu menjadi sebuah tokong. Jadi semua ini berlaku sebab kita tak buat pemantauan. Jadi adalah tidak benar dan tidak adil kepada saya menyatakan bahawa saya membuat tuduhan bahawa Kerajaan Negeri menukar nama. Ini hansard membuktikan apa yang saya cakap dan ianya bukannya berbentuk *racist* dan saya pun tak sebut siapa pengusaha itu dan apa tujuan dia kita semua boleh baca daripada dari apa yang dilihat. Saya minta penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat dari Telok Ayer Tawar. Saya rasa yang Berhormat Telok Ayer Tawar memang tadi sebut bahawa kita mesti ambil tindakan penguatkuasaan nak roboh dan saya cakap bahawa kita akan penguatkuasaan pada masa yang sesuai sepertimana yang diuar-uarkan untuk roboh oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tentang tempat-tempat sembahyang tersebut. Tadi Yang Berhormat baca hansard. Jangan ingat Yang Berhormat ada hansard, kita juga ada hansard. Tapi Yang Berhormat baca tak habis. Baca separuh-separuh saja. Kalau kita lihat sini, selepas ungkapan Yang Berhormat:

"Oh saya agaknya juga merupakan seorang kawan baik kawan kita, tunjuk gambar saya dengan seseorang tersebut, ada tak? Ini gambar yang keluar. Dan lihat kepada muka surat 48. Juga daripada Telok Ayer Tawar. "Tak tahu pun yang bangunan ini telah ditukar syarat ke, apa ke, jadikan tokong besar pula tokong di kawasan itu, ini kerana kita rapat, kita kenal, tak bermakna kita boleh buat sesuka hati." Apa maksud itu? Apa maksud itu? Kalau ini bukan isu perkauman, kalau nak sebut tentang penukaran nombor, mengapa nak pilih nama Mazu yang merupakan satu (1) dewa bukan Islam. Sengaja diungkit untuk menimbulkan masalah dan sensitif di kalangan orang Islam dan orang Melayu. Kalau nak sebut tentang tukar nama, kita boleh pilih nama lain. Tanya Pulau Jerejak ada tukar kepada Pulau Jahara tak? Mengapa tidak disebut macam itu. Kita boleh jelaskan. So di sini saya rasa...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, saya tak sebut...(gangguan). Saya sebut memang betul dengan beri nama Pulau Mazu...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti saya habis baca, saya bagi. Saya ingin tegaskan di sini dengan sengaja ungkit-ungkitkan perkara demikian. Saya rasa ini memang satu perkara sensitif dan tunjuk gambar lagi. Bahawa kerana kenal sama saya apa pun boleh buat. Saya rasa itu tak patut, kerana memang tidak ada sebarang kelulusan diberikan untuk menukar nama Pulau Jerejak kepada Pulau Mazu ataupun pada tokong yang disebut, dan saya harap kalau nak buat tuduhan sebagai seorang Ahli Pembangkang, saya pun pernah jadi Ahli Pembangkang. Sebelum saya buat sesuatu hujah, saya telah siap sedia semua maklumat. Kalau nak bergantung kepada blog-blog saya rasa ini seribu dakyah dan fitnah tak boleh habis. Tapi sebelum ini bila saya jadi pembangkang, kita akan dapat semua dokumen berkaitan.

Yang Berhormat hanya sebarkan khabar angin ataupun surat layang saja. Tak ada sebarang dokumen yang menunjukkan kita ada tukar nama, Pulau Jerejak kepada Pulau Mazu atau bahawa kita luluskan Tokong Mazu. Itu yang jadi isu. So, di sini saya rasa adalah sesuatu yang tidak patut dilakukan oleh seorang Ketua Pembangkang yang bertanggungjawab berdasarkan maklumat yang diberikan. Dan dakwaan ini adalah berbahaya kerana selepas ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Beri la peluang. Terima kasih. Saya tak tahulah kalau ini dakyah, tipu helah apa semua tak pergi tengok. Ni apa ni. Kalau A kata A. Saya pun dah baca balik dan saya tak tuduh Kerajaan Negeri bagi kelulusan. Saya kata seorang pengusaha dah menukar nama. Jadi ini jangan dok putar belit, nak bagi jadi saya ini juga salah, saya ni juga apa ni *racist* dan sebagainya. Kita minta dibuat pemantauan sebab saya *check* dengan UDA. UDA sama-sama memiliki hartanah ini. Mereka pun tak tahu. Jadi kita kena pandang dari segi yang positif jangan terus menuduh *racist* dan sebagainya. Jadi, Air Putih kata kenapa nak pilih ini. Ini yang nampak, takkan saya nak pergi *round* satu Pulau Pinang nak pergi cari. Benda ni telah timbul dan kita minta penjelasan, saya minta penjelasan saja. Apa yang nak lompat sangat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat sebut dua (2) isu di sini. Satu penukaran nama Mazu. Dua, tokong. Tokong seperti yang disebut ada tapi tak diberikan kelulusan oleh Kerajaan Negeri. Sama seperti Pulau Jerejak tak pernah tukar nama. Ini yang kita sebut tetapi bila Yang Berhormat tunjuk gambar cakap ini kawan baik, kawan baik. Merupakan seorang kawan baik. Saya ambil gambar dengan beribu orang. Mana-mana saya pergi kalau orang minta nak ambil gambar takkan saya menolak. So, macam ini kawan baik, kerana telah ambil gambar sudah jadi kawan baik.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Satu saja saya nak cakap. Sikit je. 1 Januari 2013 ada satu poster dalam macam-macam jemputan untuk menghadiri satu majlis yang akan diserikan dan jamuan makan malam di Mazu Island. Ini yang saya ketengahkan. Kalau tidak ada kenalan langsung, takkan tak mahu, nak pergi. Kemudian dia juga mempromosikan UBAH. Jadi ini dia yang saya bangkitkan. Saya tak buat tuduhan yang tak dak asas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ada pergi dak? Saya ada pergi dak untuk jamuan itu? Saya ada pergi dak? Saya tak pernah pergi untuk melawat tokong tersebut, Tokong Mazu, dan juga tak pernah pergi ke kawasan itu bersama dengan orang tersebut melainkan bila saya ambil gambar, saya rasa itu pun tidak ditangkap di Pulau Pinang, mungkin di kawasan lain. So, di sini kalau orang ambil gambar dia nak buat tipu, kalau saya tahu saya tentu akan buat laporan. Tapi saya tidak tahu. Saya tidak tahu. Hanya sekarang hari ini saya tahu dia ada poster sedemikian. Dan saya tidak pergi.

Yang Berhormat ada bukti saya pergi tak. Ini bukanlah tempat untuk buat tuduhan melulu tanpa berasas. Sebagai seorang Ahli Pembangkang yang bertanggungjawab mesti *check*. Tak boleh suka hati dengan sewenang-wenangnya buat tuduhan. Ini macam tuduhan palsu ke atas anak saya 15 tahun bahawa dia mengganggu seksual pelajarannya. Ini serupa juga. fitnah. Fitnah ke atas anak bawah umur saya. YB. Telok Ayer Tawar buat serupa. Kerana seseorang buat poster yang saya tak tahu, itu bermakna saya terbabit. Jadi kawan baik lagi. Ikut istilah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat, dan lepas ni cakap pula, ini kerana kita rapat, kita kenal tak bermakna kita boleh buat sesuka hati. Apa maksud itu? Itu satu tuduhan yang tidak adil kepada saya. Saya tak mahu berpanjang dengan perkara ini. Tapi saya rasa Yang Berhormat tolonglah adil sikit.

Yang Berhormat seorang peguam. Tuduhan sedemikian tidak adil, tidak patut, tidak wajar dan jahat sama sekali. Satu (1) lagi perkara yang saya rasa bila tadi sebut UDA, ini bukan tanah UDA. Tanah tersebut bukanlah milikan UDA. Ini adalah tanah Kerajaan Negeri. Tak ada kaitan langsung dengan UDA. So, itu Yang Berhormat pun silap. Bukan sahaja jahat seribu jahat, silap seribu silap. Satu (1) lagi perkara yang saya rasa kita nak menegur pihak pembangkang ialah berkaitan dengan Pantai Bersih. Ini kawasan saya. Dan saya rasa bersempadan dengan kawasan YB. Telok Ayer Tawar. Dan di sini saya rasa sungguhpun nak membuat perbandingan, tapi membuat perbandingan dengan unsur-unsur perkauman adalah tidak patut sama sekali. Dengan menyatakan bahawa mengapa satu tempat di sana kita ambil tindakan, tapi tempat di situ Pantai Bersih tak ambil tindakan ke atas sebuah gerai tak berlesen, tak berlesen. Tak ambil tindakan kepada gerai tak berlesen di Pantai Bersih kerana Cina. Saya rasa itu tak patut kerana di sini mengikut laporan MPSP ada tujuh (7) gerai. Satu (1) Cina, enam (6) Melayu. Kalau cakap, ini laporan daripada MPSP lah. Tapi yang bertulis ada sebut Melayu, Cina tak. Ada sebut Melayu, Cina tak, sila baca, sila baca. Tak apalah Yang Berhormat mungkin tak ada. Kita boleh semak kembali. Laporan daripada MPSP ialah satu (1) gerai tidak berlesen, Cina, enam (6) gerai tidak berlesen Melayu. Kalau nak sebut mengapa tak ambil tindakan penguatkuasaan ke atas semua gerai. Ini saya boleh terima. Ini saya rasa munasabah kita jawab. Tapi kerana hanya sebut gerai Cina

tak diambil tindakan tanpa menyebut gerai-gerai Melayu di sana. Saya rasa ia adalah tidak patut sama sekali dan menimbulkan sifat-sifat perkauman. Saya harap dalam perkara ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta penjelasan. Kalau boleh, saya dah jumpa ini jawapan kepada soalan bertulis saya. Berkenaan dengan restoran-restoran makanan laut. Dia bukan gerai, dia restoran yang beroperasi di tepi pantai Bagan Ajam yang terus juga membina bangunan kekal tanpa sebarang kawalan. Saya tak tahu ada lesen atau tak ada lesen. Hingga kini jawapannya sejumlah empat (4) buah restoran makanan laut bukan berapa 14 tadi yang disebut dan enam (6) gerai. Empat restoran makanan laut di tepi pantai Bagan Ajam yang telah beroperasi seperti berikut. Restoran 323 Seafood, Restoran Lobster Village Seafood, Restoran Northern Coaster Seafood dan Kedai Makanan Ah Chong. Sehingga kini tindakan penguatkuasaan ke atas premis restoran makanan laut berkenaan dibuat dengan mengeluarkan sebanyak empat (4) kompaun dari tahun 2010, 2011, 2012, 2013. Maksudnya satu kompaun satu (1) tahun. Itu saja jawapannya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan. Mengapa Yang Berhormat henti ke sana sebab jawapan ada satu perenggan lagi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak apa, saya baca habis. Manakala bagi pembinaan baru yang sedang dibuat, tindakan penguatkuasaan telah dijalankan melibatkan sebuah Restoran Lobster Village, Seafood Restaurant pada 7 haribulan yang mana binaan tersebut diruntuh binaan pada hari tersebut. Itu binaan baru. Jadi saya tahulah yang empat (4) lagi itu masih dok ada situ.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Yalah. Setakat ini sepanjang isu ini Yang Berhormat pilih untuk sembunyikan bahagian jawapan ini, bahawa tindakan diambil juga terhadap Restoran Lobster Village Seafood restaurant pada 7 September 2012. Adakah Lobster Seafood ini satu (1) daripada empat (4) itu. Memang. Nombor dua (2) (2), mengapa Yang Berhormat pilih untuk sembunyikan hakikat ini. Kalau Yang Berhormat menggunakan jawapan ini dengan keseluruhannya saya rasa tak timbullah. *In the first place* Yang Berhormat pilih.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jawapan ini tidak menjelaskan sepenuhnya...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Yang Berhormat pilih bertanya restoran-restoran, sedangkan di kawasan itu selain dari restoran ada gerai-gerai juga. Gerai-gerai Melayu juga. Tetapi Yang Berhormat pilih untuk tanya restoran *seafood* yang sebagai ADUN sana sudah pastilah

milikan kaum mana. Tak perlu datang ke Dewan ini tanya dan buat kesimpulan. Lagi teruk kaitkan pula dengan kejadian di Persiaran Gurney. Dari episod ini kita dapatlah lihat apakah niat sebenar, ada *lobster* di belakang kejadian ini. Bukan udang, *lobster* ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Air Putih, saya minta beri peluang jawab sikit. Kalau boleh Air Putih, Padang Kota pergi buat lawatan sat lagi. Saya lalu, sepintas lalu saja saya nampak *signboard* itu masih ada. Tak tahulah kedainya, saya pun tak pernah pergi kedai itu. Kalau kata diroboh, *signboard* itu masih ada, kedai itu pun masih ada.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Maklumat sudah diberikan kepada Yang Berhormat. Hakikatnya Yang Berhormat sengaja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya kata mari kita pergi tengok.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sembunyikan jawapan, sembunyikan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa jadi empat (4) lagi itu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kalau saya kata Yang Berhormat guna dengan sepenuhnya jawapan... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau satu (1) diroboh apa jadi dengan yang empat (4), empat (4) lagi itu kenapa tak diroboh.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Tak timbul masalah, kalau nak gunakan semua jawapan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Itu tokenlah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

You just choose what you want to serve your purpose.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

It also serve your purpose...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau nak sebut ialah mengapa tak *racist* itu munasabah. Kita boleh jawab. Tapi janganlah menggunakan perkauman. Itu silap Yang Berhormat. Bila tidak ada unsur perkauman. Dan saya rasa dengan secara selektif ini Yang Berhormat sebagai Peguam, kalau pergi depan Hakim, Hakim pun akan tegur. Tak boleh macam ni, baca, baca habis. Sembunyi, sembunyi macam ni, ini bukan *style* seorang peguam kanan dan profesional. Saya rasa ini dah cukuplah.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Machang Bubuk dan ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahkan bilangan *Free WiFi Hotspot* sebanyak sekali ganda daripada 1,550 kepada 3,100 *Free WiFi Hotspot* di seluruh Negeri Pulau Pinang. Dengan harapan kita dapat ada kelajuan yang lebih. Program tambahan ini akan dijalankan pada tahun depan. Dan harap siap pada tahun 2017. Ini akan memperkasakan kepintaran digital Pulau Pinang. Dan juga budaya kebebasan yang lebih mudah dicapai dengan *Free WiFi*. Masalah kelajuan *Penang Free WiFi* akan ditinjau demi memastikan dia dapat diperbaiki di dalam kawasan Yang Berhormat. Adalah dimaklumkan bahawa sambutan penggunaan *Penang Free WiFi* adalah di luar jangkaan terutamanya di *hotspot-hotspot* tertentu termasuklah di kawasan Yang Berhormat dan juga di kawasan Bagan Dalam, Tanjung Bunga, kawasan-kawasan lain. Yang penting ialah kita harap kita dah masuk, boleh masuk kawasan-kawasan pedalaman. Dan kita amat bangga bahawa Negeri Pulau Pinang sekali lagi mencatat sejarah negeri pertama yang memberikan *free WiFi*. Tentulah apabila bilangan pengguna meningkat di *hotspot-hotspot* tertentu secara tidak langsung akan menjejaskan prestasi kelajuan *free WiFi*. Maklumlah *free* kan, percuma semua nak masuk so tentu akan lambat sikit. Kesemua kawasan *hotspot* mempunyai pengagihan kelajuan *WiFi* yang sama untuk semua pengguna-pengguna *Penang Free WiFi*. Kerana syarikat yang dilantik mengamalkan polisi penggunaan sama rata. *Fair Usage Policy*. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan berbincang semula dengan syarikat yang dilantik bagi memastikan prestasi kelajuan *Penang Free WiFi* yang baru dan ditambah ini akan boleh menjadi bertambah baik dan juga disusuli oleh *free WiFi hotspot* yang sedia ada.

Berkaitan kes paksa pindah 52 keluarga di Kampung Permatang To' Subuh yang menduduki tanah persendirian di SPT ia dimiliki oleh syarikat yang bernama Distinct Sdn. Bhd. Pihak tuan tanah telah menawarkan pampasan yang kurang memuaskan berjumlah di antara RM7,000.00 hingga RM35,000.00 kepada 52 keluarga berdasarkan nilai oleh pihak pemilik tanah. Daripada jumlah 52 buah keluarga tersebut, sebanyak 23 buah keluarga telah bersetuju menerima tawaran oleh pihak tuan tanah dan telah menandatangani surat perjanjian pampasan. Pihak Kerajaan Negeri hanya bertindak sebagai perantara, iaitu termasuk Yang Berhormat sendiri dan Yang Berhormat Bukit Mertajam sendiri, bagi pihak penduduk. Borang-borang Projek Perumahan Rakyat, PPR diedarkan untuk penempatan penduduk yang berminat untuk berpindah ke Perumahan Desa Warisan. Selain itu, perbincangan juga turut diadakan sebanyak empat (4) kali di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, iaitu

pada 12 Julai tahun ini, 8 September tahun ini, 18 Oktober tahun ini, 8 Disember tahun ini. Walaupun isu ini telah di bawa ke mahkamah oleh tuan tanah, dan masih dalam proses sebutan, Kerajaan Negeri ingin masih cuba mencari jalan penyelesaian di luar mahkamah. Wakil rakyat Pakatan Rakyat telah pun mengatitkan seorang peguam untuk mewakili penduduk dalam kes mahkamah berlawanan dengan peguam pemilik tanah yang memiliki latar belakang tebal Barisan Nasional. Ada, minta izin.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan, Yang Berhormat Air Putih terima kasih atas jawapan tersebut dan memang kita tahulah, sedia maklum, pihak tuan tanah telah mengupah sebuah firma peguam daripada yang dimiliki oleh ADUN Kulim dari Kedah iaitu Chua, so, itulah yang kita nampak tuan tanah tersebut telah mengupah peguam tersebut untuk mengusir penduduk-penduduk di Permatang To' Suboh yang sudah lama tinggal di sana lebih 30 tahun untuk keluar dari tempat tersebut. Dan kita memang sampai sekarang pun berharap supaya tuan tanah dapat menangani masalah tersebut dari segi perikemanusiaan, dapat mempertimbangkan dan memberi, menaikkan pampasan kepada penduduk-penduduk Kampung Permatang To' Suboh ini. So, saya memang terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri kerana mengambil termasuk daripada Pejabat TKM I, YB. Pantai Jerejak yang mengambil juga dalam membantu menyelesaikan masalah ini. So ini, sekian terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti, nanti, nanti, saya jawab. Nanti saya bagi. Saya ingin ucapkan terima kasih atas maklumat ini kerana ramai tak tahu tentang hubungkait pihak tertentu dan ini sungguhpun daripada Kedah, daripada Kedah pun berhampiran juga. Dan sudah tentulah kita ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam yang telah bersama-sama dengan penduduk sampai duduk bersama, tidur dalam kampung juga. Sila.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Air Putih, saya rasa untuk mengaitkan seorang *lawyer*, peguam menawarkan khidmat atas arahan pelanggan dia sebagai seorang tuan tanah nak dikaitkan sebagai BN nak mengusir, *I think* ini satu yang keterlaluan. Habis itu macam mana, berapa ramai *lawyer* lagi, di Balik Pulau berapa banyak *lawyer* yang juga mengikut arahan, daripada pelanggan dia, *client* dia, mengeluarkan surat untuk menyuruh orang keluar, tidak pulak kita kaitkan dengan DAP, Pakatan Rakyat. Kalau kita tahu bahawa itu satu tugas seorang peguam yang diberikan oleh anak guamnya. Jadi janganlah nak kaitkan apa yang berlaku dengan Barisan Nasional dan sebagainya. Ini tak adil. Habis kalau macam itu lepas ini semua orang dah tak boleh buat kerja dah. Buat kerja pro UMNO sikit, tak boleh, pro DAP sikit tak boleh, pro MIC sikit, tak boleh. Tak bolehlah macam itu. Mereka bertugas sebagai seorang profesional. Menjalankan tugas mengikut perturan-peraturan yang dibenarkan oleh akta mereka. So, saya ingat tak bolehlah Yang Berhormat menuduh begitu. Kepada semua profesional, *lawyer* dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tak apalah. Saya rasa kalau nak berceramah macam ini, Yang Berhormat Pulau Betong boleh berceramah dengan penduduk Kampung Permatang To' Suboh. Yang Berhormat ADUN Batu Uban, mohon izin, Yang Berhormat Machang Bubuk boleh mempelawa Pulau Betong pergi sana. Ceramah macam ini, bagi tahu penduduk yang sepertimana yang diberitahu di sini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bukan soal berceramah, Yang Berhormat Air Putih. Penjelasan, bukan berceramah. Saya menegur sikap Yang Berhormat. Nak menuduh seorang peguam yang dengan tugas dia mengikut kehendak pelanggannya sebagai pro itu, pro ini. Seolah kita pulak yang mengusir. Itu satu tuduhan yang cukup tak baik kepada semua *lawyer-lawyer* yang nak buat kerja nanti. Itu yang saya nak maksudkan. Bukan berceramah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak menuduh semua *lawyer*. Saya hanya sebut hakikat, itu sahaja. Saya harap Pulau Betong boleh ikut fakta. Janganlah memainkan fakta yang saya sebut. Sila, Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kalau kita ada isu macam ini. Tentang isu tuan tanah guna *lawyer*, ini dari sudut lain ya, apakah yang kita boleh buat penambahbaikan supaya kita buat garis panduan, orang yang terlibat ini, daripada peluang ini. Apakah saranan, cadangan daripada Kerajaan Negeri, untuk membantu banyak orang yang terlibat yang macam ni.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baik, saya rasa itu mungkin satu *gesture* yang positif daripada Yang Berhormat Telok Bahang. Mungkin boleh bantu, kita sama-sama Yang Berhormat Machang Bubuk. Boleh, boleh. Kita alu-alukan sikap sedemikian. Saya rasa lebih positif daripada Yang Berhormat Pulau Betong. Yang Berhormat Batu Uban turut mencadangkan supaya PDC mempelbagaikan fungsi ekonominya dalam bidang hospitaliti, *fast food* dan sebagainya dengan mencontohi perbadanan-perbadanan di Negeri lain. Ini kerana PDC dikatakan telah mengabaikan peranan asalnya dengan memberi fokus kepada sektor hartanah sahaja. Suka saya jelaskan di sini bahawa PDC merupakan agensi Kerajaan Negeri untuk merencanakan ekonomi Negeri Pulau Pinang dan bertindak sebagai pemangkin ekonomi negeri. Tumpuan utama PDC adalah dalam membangunkan tapak-tapak pembangunan baru untuk industri dan perumahan mampu milik dan institusi. Dalam hal ini peranan dan polisi PDC adalah untuk tidak menceburi diri dalam bidang perniagaan. Dan saya rasa bila Kerajaan Negeri mengambil alih tampuk pemerintahan, kita amat terkejut bahawa PDC telah menyimpang daripada tugas teras. Melibatkan diri dalam perniagaan yang dia tak tahu langsung. Tanam pokok getah, kelapa sawit, ternak ikan pun ada, kendalikan hotel, institusi pendidikan, *golf course* pun ada. Itulah yang kita rasa macam mana boleh tahu buat semua bidang perniagaan.

Oleh itu, kita lihat dari segi ROI rugi, tiap-tiap tahun rugi. Dan sebab itulah kita rasa adalah penting kita menjalankan dasar *divestment*. *Divestment away from core business*. Kerana ini ialah memenuhi pendekatan Kerajaan iaitu *the business our government is to stay out of business*. Biarlah peniaga-peniaga yang pakar, yang tahu macam mana untuk cari untung, biar mereka buat. Kita balik kepada tugas teras iaitu sebagai sebuah Kerajaan, memastikan undang-undang dipatuhi. Sebabnya itulah bila kita lancarkan dasar *divestment* ini. Kita boleh lihat daripada rugi jadi untung dan kita lihat dari segi mutu perkhidmatan pun bertambah. Macam dekat *golf course*, *Penang Golf Club*. Kita buat tender terbuka dimenangi oleh sebuah syarikat Jepun. Bayar kepada PDC. PDC untung, dulu rugilah. Kita boleh lihat dari segi perkhidmatan awam, dari segi kemudahan, bertambah baik dan saya rasa itulah adalah sesuatu yang amat memberangsangkan, menunjukkan bahawa memang ia adalah pendekatan yang terbaik. Oleh itu saya rasa dalam aspek ini Kerajaan Negeri mendapati pendekatan sedemikian pun dibuktikan betul, apabila kita lihat dari aspek ETP, *Economy Transformation Program*, yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Beliau pun telah sebut dalam salah satu teras ialah *policy of divestment*. So, kita mula awal-awal lagi tapi kita lihat ia pun dijalankan bersama oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Menunjukkan ini adalah pendekatan yang betul.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Amat Berhormat Air Putih, tentang PDC.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Batu Uban punya hal pun nak campur? Okay, tak apa. tak apa.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sepengetahuan saya, perbadanan seperti PDC ini mereka beroperasi mengikut carta mereka. Ada perkara-perkara yang boleh mereka buat, yang tak boleh mereka buat. Dan kebanyakan pengurusan hari ini pun. Pengurus besar pun adalah orang yang sama juga yang menguruskan dahulu. Takkan mereka tak tahu, pelaburan dalam kolam ikan tak dibenarkan, *golf course* tak dibenarkan. Kalau mereka membuat perkara yang di luar daripada bidang tugas mereka, ini adalah satu kesalahan. Saya rasa mereka membuat kerja mengikut apa yang dibenarkan oleh perbadanan itu, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini dibuat semasa Barisan Nasional memerintah. Semua ini dibuat semasa Barisan Nasional memerintah. Bila kita ambil alih tampuk Kerajaan, dia cakap ini rugi punya perniagaan, biar kita lepaskan supaya kita boleh daripada rugi boleh jadi untung. So, itulah yang saya cerita *divestment policy* Kerajaan Negeri selepas kita memerintah tahun 2008. Itu sahaja. So, sekarang ialah sekiranya ini dibenarkan mungkin dari segi undang-undang, boleh cakap dibenarkan. Tapi dari segi *commercial sense*, *no commercial sense*. Balik kepada tugas teras, buat perindustrian, buat perumahan mampu milik dan juga itu isu berkaitan dengan Titian Silara iaitu mikro kredit, bidang-bidang di mana itu sektor swasta tak berminat kerana tak ada untung. Tapi kita harus

jalankan program-program sosial sedemikian. So itulah maksud saya. Oleh itu, mikro kredit kita, sekiranya, kita boleh pastikan yang rugi jadi untung, saya rasa ini akan memperbanyakkan wang, supaya kita boleh jalankan mikro kredit, sebelum ini tak dijalankan. Tapi kerana penjimatan yang ada, kita buat mikro kredit untuk bagi kepada, sungguhpun tak banyaklah, RM5,000.00, tapi untuk orang biasa itu penting. Sila, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih, Air Putih. Saya nak tanya soalan. Tadi dinyatakan yang kita memang setuju yang PDC balik ke *core business*, teras. Jadi, saya nak tanya sama ada penglibatan PDC di dalam PDC Telco, itu sebahagian daripada urusan terasnya dan bagaimanakah masalah-masalah yang timbul seperti yang ditegurkan dalam laporan Audit itu, dapat diatasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, PDC Telco juga ditubuh semasa pentadbiran Barisan Nasional. Kita meneruskannya, dari segi keuntungan, ia memang lebih daripada yang dulu. Tapi masalah yang kita hadapi saya terus terang, masalah yang kita hadapi ialah kita adalah kerajaan yang dengar suara rakyat. Rakyat tak mahu Telco. Yang Berhormat sendiri pun tak mahu Telco. So bila ia dipasang dan dibelanjakan oleh yang dulu, kita terpaksa menanggung perbelanjaan sedemikian. Tapi bila rakyat mahu ia diruntuhkan, apa boleh buat kalau kita menjadi sebuah Kerajaan yang dengar suara rakyat. Turunkanlah. Dan ini mengakibatkan kerugian. Tapi ini hanya untuk menara telekomunikasi yang didirikan. Tapi secara keseluruhannya masih untung dan lebih daripada yang dulu. So, saya rasa kecuali Yang Berhormat nak cadangkan bahawa kita pasang Menara Telco sahaja, saya nak, kalau macam ni saya ucapkan terima kasihlah. Tapi saya rasa itu pun bukan hasrat Yang Berhormat, kerana kalau kita pasang Menara Telco, banyak bantahan yang datang. Bukan sahaja daripada Yang Berhormat Pembangkang. Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat pun serupa kerana dapat pandangan daripada rakyat, tapi kita cuba sungguhpun dari segi bukti, tak ada bukti bahawa tidak ada sebarang impak negatif terhadap kesihatan, tapi rakyat tak suka, so, macam itulah macam mana kita seimbangkan di antara keperluan dan juga permintaan rakyat dan itulah sebabnya di Pulau Pinang kita punya liputan agak kurang sikit. Saya rasa Yang Berhormat kadang-kadang kalau telefon tiba-tiba dia akan putus, itulah saya rasa salah satu sebab mengapa perkara ini berlaku.

Berkaitan dengan peraturan-peraturan baru untuk perumahan khususnya untuk pemilik rumah awam dan mampu milik yang dibawa oleh Yang Berhormat Air Itam, Pulau Tikus, Bagan Dalam dan juga Sungai Pinang saya ingin mengumumkan bahawa peraturan-peraturan baru iaitu yang diumumkan dalam pembentangan Bajet akan bermula berkuat kuasa pada 2 Februari 2014 dirancang untuk melindungi Pulau Pinang daripada terjejas akibat gelembung hartanah *property bubble* dan memastikan rumah awam dan perumahan mampu milik yang dibeli oleh pembeli tulen kali pertama hanya yang layak daripada kumpulan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kekal membangun Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa berhati-hati bagi mengelakkan terperangkap dalam mana-mana gelembung hartanah yang kelak akan menjejaskan dan merosakkan ekonomi. Jepun adalah satu contoh

terbaik mengenai bahayanya gelembong hartanah, peraturan-peraturan hartanah dan perumahan ini telah dibincangkan bersama-sama dengan pemegang-pemegang atau *stakeholder* terutamanya dari industri hartanah yang saya akui membantah cadangan ini termasuk daripada kawan sebelah sana.

Kerajaan Negeri telah menubuhkan dana perumahan awam dan mampu milik berjumlah RM500 juta untuk membina 20,000 unit rumah awam dan rumah mampu milik meliputi semua lima (5) daerah di Pulau Pinang. Ini adalah peruntukan terbesar yang ditubuhkan mana-mana Kerajaan Negeri dalam sejarah Malaysia untuk membina perumahan awam mampu milik secara dasarnya peraturan baru ini dilihat perlu memandangkan Kerajaan Negeri amat prihatin sekiranya pembelian rumah pertama tidak diberi peluang untuk membeli rumah dan bagi mengurangkan eksploitasi mengaut keuntungan. Lanjutan daripada itu Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan skim perkongsian hak milik atau *share ownership scheme* kita sebut SOS kerana hendak menyelamatkan mereka yang tidak dapat pinjaman bank.

Contohnya pohon 90% hampir 100% untuk rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah, bank tak lulus, bank tak lulus kerana *you* punya *payment availability* pembayaran balik wang pendapatan tak cukup, tapi kalau dia pinjam 70% boleh, masalahnya dia tak ada wang nak bayar baki 30% sekarang Kerajaan Negeri menjadi jambatan....(gangguan). Saya bukan untuk Yang Berhormat sahaja saya untuk semua di sini *you* jangan takut putar belit sahaja. So kita jadi jambatan, supaya kita sama-sama kongsi memiliki rumah itu dan yang istimewa, pinjam 70% daripada bank 30% diberikan sebagai pinjaman oleh Kerajaan Negeri tanpa riba, tanpa faedah. Ini saya ucapkan terima kasih kepada Permatang Pasir kerana sebagai YDP MAINPP yang amat sokong cadangan sedemikian. Saya harap bahawa itu pihak kawan sebelah sana pun boleh memberikan sokongan kerana kita nak mulakan satu projek perintis, *pilot project scheme*, tak pernah dibuat di seluruh Malaysia, tak pernah dalam sejarah Malaysia, kita buat secara permulaan. Inisiatif baru rumah, ini bukan rumah flat tahu ini rumah tanah, kos rendah atas tanah kita bagi 30% pinjaman tanpa faedah tanpa riba, 70% angkat pinjaman dari bank bayar kepada Kerajaan Negeri kita bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, rumah kos rendah atas tanah ini di mana? Tadi Yang Amat Berhormat kata rumah kos rendah atas tanah, lokasi di mana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Di SPS, kawasan SPS, so lepas ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

SPS di mana?

YAB Ketua Menteri:

Sungai Duri, sebagai perintis dah...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Berapa luas kawasan dan berapa banyak rumah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekurang-kurangnya 100 unit, kita akan *start* dengan 100 unit, kerana itu pun melibatkan wang yang besar, kita nak uji dululah, kerana ini yang pertama tak pernah dibuat di Malaysia, kita pun nak tengok macam mana ia dapat dilaksanakan dan berjaya. Sebab kita jadikan ini (SOS) *Share Ownership Scheme* kita kongsi bermilik secara bersama dan tanpa faedah supaya kita boleh memberi peluang kepada mereka yang hampir layak untuk beli rumah, tapi tak dapat kerana bank tak bagi Kerajaan Negeri bantu sama mereka. Untuk mereka yang tak layak langsung beli rumah tak *qualified*, bank tak bagi pinjam langsung sungguhpun 70% tak boleh dapat 50% pun bank tak akan bagi Kerajaan Negeri menawarkan *rent buy scheme* sewa beli itu juga kawasan SPS sebagai permulaan untuk mereka yang tak layak dapat pinjaman.

Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang berjiwa rakyat Kerajaan Negeri mahu mencapai demokrasi perumahan yang membenarkan setiap keluarga yang bekerja memiliki rumah sendiri. Keutamaan adalah bagi memastikan perumahan awam kos rendah atau kos sederhana rendah dimiliki oleh mereka yang berpendapatan rendah, mereka yang tidak berkemampuan dan pembeli tulen kali pertama, *first time buyers*, Kerajaan Negeri *committed* untuk membantu pembeli kali pertama agar berpeluang untuk membeli rumah mampu milik bersedia untuk menerima sebarang kritikan atau berdepan cabaran undang-undang daripada mereka yang menentang komitmen ini termasuk daripada NGO dan juga Barisan Nasional. EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada mesyuarat semalam telah memperhalusi peraturan perumahan baru ini supaya ia jelas dan pasti seperti berikut:

- 1) Perumahan awam iaitu rumah kos rendah dan sederhana rendah di antara kos rendah RM42,000.00, Kos sederhana rendah di antara RM72,500 yang dibeli tak boleh dijual dalam tempoh 10 tahun daripada tarikh perjanjian jual beli.
- 2) Mereka ingin menjualnya dalam tempoh 10 tahun pertama perlu membuat rayuan kepada Kerajaan Negeri dan hanya boleh dijual apabila diluluskan kepada pembeli tersenarai atau *listed buyers*, harga niaga tidak akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tetapi akan diberikan kepada pembeli berkemampuan kesediaan pembeli atau *owner willing, buyers willing, seller basis*. Itu di antara pembeli tersenarai dan juga penjual.

Pembeli yang disenaraikan adalah mereka yang berdaftar sebagai perumahan Kerajaan Negeri dan disahkan sebagai golongan berpendapatan rendah dan layak untuk membeli kos rendah dan sederhana rendah, peraturan 10 tahun ini akan meliputi belian yang lepas dan akan datang. Cabutan rumah akan tertakluk pada pengawasan oleh firma Audit pertama kali ia dilaksanakan oleh mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia.

Untuk perumahan mampu milik yang dijustifikasikan sebagai rumah yang pada mulanya dibeli dengan harga bawah RM400,000.00 di kawasan Pulau, dan RM200,000.00 di kawasan Seberang rumah mampu milik ini tidak boleh dibeli dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh perjanjian jual beli. Mereka yang ingin menjual dalam tempoh Lima (5) tahun pertama perlu membuat rayuan kepada Kerajaan Negeri dan hanya akan dijual kepada pembeli tersenarai. Harga rumah tidak akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tetapi akan diberikan mengikut *willing buyers and willing seller basis* oleh kedua-dua pembeli tersenarai dan penjual. Pembeli yang tersenarai adalah mereka yang berdaftar dengan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri dan disahkan sebagai kumpulan berpendapatan pertengahan yang berkelayakan untuk membeli rumah mampu milik. Peraturan lima (5) tahun ini meliputi rumah yang diniagakan pada atau selepas 1 Februari 2014 dengan kata lain ia tidak akan dibelakangkirakan *it will not to be respective*, hanya surat perjanjian jual beli yang ditandatangani pada atau selepas 1 Februari 2014 akan dihadkan tempoh lima (5) tahun.

Pembelian oleh bukan warganegara seperti yang disebut fi kebenaran 30% atas harga transaksi untuk perjanjian jual beli yang telah ditandatangani pada atau selepas 1 Februari 2014, akan dilaksanakan. Dan ia adalah untuk semua transaksi yang dibuat selepas 1 Februari 2014 dan tentulah tertakluk pada had harga pembelian RM1 juta, tapi untuk kawasan tanah dan bangunan di kawasan Pulau hadnya ialah RM2 juta. Pengecualian boleh diberikan pembelian bagi tujuan industri atau tujuan untuk menggalakkan peluang pekerjaan, pendidikan, bakat manusia atau mempromosikan Pulau Pinang sebagai Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa dan Pintar. Pengecualian fi kebenaran 3%, fi kebenaran 2% untuk hartanah yang dibeli selepas 1 Februari 2014 dijual dalam tempoh tiga (3) tahun. Fi kebenaran 2% akan dikenakan ke atas penjual untuk semua hartanah yang dijual dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh perjanjian jual dan beli tandatangani pada 1 Februari 2014, dalam erti kata lain ia juga tidak *retrospective*.

Hartanah yang dibeli di mana surat perjanjian dijual beli ditandatangani sebelum 1 Februari 2014 tidak akan dikenakan fi kebenaran 2% ini, hanya hartanah yang dibeli atau selepas 1 Februari 2014 akan dikenakan fi kebenaran 2% jika dijual dalam tempoh masa tiga (3) tahun, fi kebenaran 2% ini tidak terpakai untuk perumahan mampu milik sepertimana yang saya sebut tadi dengan dasar baru yang diperkenalkan, maka warga negara asing dikehendaki membayar satu fi kebenaran atas skala 3% daripada harga pembelian dan syarat ini akan dikenakan di peringkat kelulusan. Harga pembelian adalah sebagaimana harga yang disebut dalam perjanjian jual beli yang telah distemkan.

Suatu mekanisme senarai semak akan diwujudkan di peringkat pendaftaran hak milik tanah di mana penyerahan yang telah menjelaskan semua bayaran yang telah dikenakan dibenarkan untuk didaftarkan. Kita telah menerima beberapa bantahan dan kita telah menerima kritikan tersebut sebagai sebuah Kerajaan demokrasi. Tetapi saya harap apabila kita cuma menggunakan peraturan ini untuk membantu pembeli-pembeli pertama, saya harap semua pihak dapat memahami masalah yang dihadapi oleh mereka, sama ada ini dapat mencapai hasratnya, tapi sekurang-kurangnya kita berusaha dan saya tahu ada pihak tertentu khususnya daripada BN telah mencabar untuk menyaman Kerajaan Negeri dan kita akan terus komited tentang peraturan baru ini dan bersedia menghadapi sebarang ugutan atau ancaman undang-undang oleh pihak tersebut.

REHDA Pulau Pinang telah pun menyangkal laporan palsu setengah surat khabar bahawa ia telah menyalahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai faktor utama harga rumah dan tanah naik melambung tinggi di Pulau Pinang, sebaliknya REHDA Pulau Pinang mengenal pasti kos pembinaan adalah unsur paling utama kenaikan harga rumah. Harga tanah di luar kawalan mana-mana kerajaan ia bergantung semata-mata kepada keyakinan awam, kuasa permintaan dan perbekalan. Faktor-faktor kenaikan harga rumah yang dibangkitkan oleh REHDA adalah:

- 1) berkenan peratus cukai GST menjelang April 2015;
- 2) harga tanah terlalu tinggi meningkat sehingga 300% di lokasi-lokasi utama di Pulau;
- 3) peningkatan yang mendadak seperti kos simen, pasir, kayu, jentera dan lain-lain;
- 4) kenaikan bahan api dan tenaga;
- 5) kekurangan tenaga kerja di mana 90% daripada pekerja binaan sekarang adalah terdiri daripada warga asing; dan
- 6) peningkatan kos pematuhan ataupun *compliance cost* 3% anggaran kos sebagai deposit untuk KPKP bagi mendapat lesen pemaju kos-kos lain seperti sumbangan kos rendah, tempat letak kereta, caj pembangunan juga telah meningkat sejak 3 hingga 5 tahun yang lepas.

REHDA telah memberikan pecahan kos pembinaan rumah di antaranya yang menjadi unsur utama harga naik;

- 1) Kos pembinaan 55 hingga 60 %
- 2) Kos tanah 20 hingga 25 %
- 3) Kos pematuhan 12 hingga 15 %
- 4) Lain-lain 8 hingga 10%

Oleh itu adalah tidak benar sekali tentang laporan bahawa Kerajaan Negeri dipersalahkan menyebabkan harga rumah naik melambung tinggi dan kita harap perkara ini dapat dibetulkan oleh surat khabar-surat khabar tertentu.

Saya juga ingin menjawab fitnah jahat pihak Pembangkang bahawa tambahan pendapatan Kerajaan Negeri 2012 adalah datangnya daripada penjualan tanah dengan mengguna pakai prosedur perakaunan untuk mencantikkan lembaran kewangan. Ini adalah satu fitnah jahat kerana Dato' Pegawai Kewangan Negeri, dan Jabatan Kewangan Negeri tidak pernah terlibat dalam perakuan kreatif yang mencantikkan akaun. Malah akaun diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara lagi pun Jabatan Kewangan Kerajaan Negeri telah dianugerahkan empat (4) bintang kerana mencapai prestasi terbaik. Daripada tambahan pendapatan RM206 juta untuk 2012 hanya

RM110 juta adalah hasil penjualan tanah iaitu Bayan Mutiara sedangkan bakinya adalah hasil daripada lanjutan pajakan tanah kepada 99 tahun. RM110 juta adalah 10% daripada bayaran RM1.1 bilion untuk 105 ekar di Bayan Mutiara, yang akan dibayar sepenuhnya dalam masa lima (5) tahun. Tanah dijual dalam tender terbuka secara kompetitif, bukan macam Barisan Nasional jual dengan murah kerana menggunakan pendekatan rundingan terus. Itulah sebabnya semasa pemerintahan Barisan Nasional, Barisan Nasional menjual 3,661 ekar tanah Kerajaan tetapi hanya memperolehi RM1,059 juta berbanding dengan Pakatan Rakyat yang hanya menjual 106 ekar sahaja tetapi boleh perolehi RM1,110 juta iaitu pulangan yang lebih besar, daripada yang diperolehi daripada Barisan Nasional, pulangan lebih oleh Pakatan Rakyat. sungguhpun jual tanah 35 kali ganda lebih kecil atau lebih kurang. Sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Saya rasa Air Putih kena mengambil kira masa yang dah berlalu, kenaikan harga tanah, harga rumah, mungkin jualan itu di buat sekurang-kurangnya sebelum 2008. Jadi ini peralihan masa itu menyebabkan kenaikan harga dan sebagainya perlu la satu faktor kena diambil kira juga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya setuju. saya setuju 100%, tapi mengapa tidak jalan secara tender terbuka supaya kita dapat pasaran semasa. Sepertimana yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Macam Tanjung Tokong satu (1) unit sekaki persegi. Macam Jelutong Expressway RM20 kaki persegi, Batu Kawan, ini tidak begitu lama la, ingat tak Patrick Lim RM3.24, Butterworth Redstone RM8.40, itulah perbezaan. Kalau ia dibuat secara tender terbuka saya percaya, saya pasti, saya jamin, gerenti boleh harga lebih tinggi, tapi kerana tak buat secara tender terbuka jual 3,661 ekar tanah dapat RM1,586 bilion, RM1,059 juta. Bukan macam Pakatan Rakyat kita jual 35 kali lebih kecil 100 dalam ekar tapi kita dapat wang jauh melebihi daripada apa yang diperolehi oleh Barisan Nasional. Oleh itu, saya harap janganlah buat fitnah bahawa kita dapat wang jual tanah, tidak boleh bandingan dengan apa yang dijual secara borong oleh Barisan Nasional dulu.

Berkaitan dengan pelancongan Kerajaan Negeri memang menyokong syor YB. ADUN Jawi untuk melaksanakan lukisan mural di kawasan Seberang Perai kerana setiap kawasan mempunyai identiti yang tersendiri dan pelaksanaan lukisan mural hendaklah bersesuaian dengan identiti budaya masyarakat setempat. Bagi kawasan Seberang Perai pelaksanaan lukisan mural adalah tertakluk kepada keputusan MPSP. Kerajaan Negeri tetap akan membangunkan industri pelancongan akan menjadikannya salah satu tumpuan industri pelancongan di Seberang Perai tetapi cadangan menganjurkan Tahun Melawat Pulau Pinang 2015 hingga 2017. Kita tidak mahu buat setahun, kita buat tiga (3) tahun, kerana pelaburan yang kita buat saya rasa kalau hanya setahun tidak berbaloi, kita buat tiga (3) tahun.

Selain daripada projek infrastruktur yang giat dijalankan di Seberang Perai, saya rasa dari segi pembinaan jalan tidak pernah tengok sebelum ini, lima (5) tahun begitu banyak jalan infrastruktur giat berjalan dan sekarang masih berjalan termasuk yang tidak disokong YB. Sungai Acheh. Selain daripada projek infrastruktur yang giat dijalankan kemudahan *BIA Banquet* bertaraf dunia juga sedang dibina oleh PDC di

Seberang Jaya serta mempelawa pengusaha membina satu (1) taman bertema di Batu Kawan. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa satu pengumuman penting akan dibuat pada bulan depan yang akan menjadi pemangkin pembangunan Seberang Perai. Semua ini kalau nak buat membangunkan Pulau Pinang memerlukan perancangan teratur, pelaburan besar dan infrastruktur asas produk baru acara baru dan pengalaman yang kekal abadi dalam minda pelancongan. Selepas berbincang dalam sektor perhotelan maka dicadangkan mengenakan fi kebenaran sebanyak RM2.00 bagi setiap malam bertaraf satu (1) hingga tiga (3) bintang, manakala untuk bilik penginapan yang bertaraf empat (4) bintang dan ke atas RM3.00 semalam, bukanlah RM5.00 sepertimana dicadangkan. Kutipan fi kebenaran ini akan dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2014 dan akan digunakan sebagai tabung dana dalam mempromosikan lagi aktiviti kebudayaan dan pelancongan Negeri Pulau Pinang. Satu (1) jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh saya sendiri terdiri daripada sektor hotel, dan penginapan agar menentukan jenis perbelanjaan ke atas kutipan fi kebenaran ini.

Kini Negeri Pulau Pinang berada dalam kedudukan ketiga tertinggi menerima jumlah kedatangan pelancong selepas Kuala Lumpur dan Pahang pada tahun ini. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mencatatkan peningkatan menggalakkan di antara yang tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 14% sehingga akhir Oktober 2013 sehingga menjadikannya seramai 4.4 juta orang dan dijangka akan terus mencecah 5.5 juta orang pada keseluruhan tahun 2013. Itulah telah melebihi kapasiti 5 juta untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Baru Pulau Pinang. Pada masa yang sama, Terminal Swettenham Pulau Pinang ataupun Swettenham Pier merupakan salah satu pintu masuk ke Negeri ini dengan jumlah kemasukan pelancong mencatat 1,002 pada 2010 meningkat 18.8 % pada tahun 2011 iaitu sebanyak 121,504 orang yang mengalami peningkatan yang agak tinggi pada tahun 2012 iaitu meningkat 74% kepada 211,554 orang memasuki Terminal Swettenham Pier. Menurut rekod yang diperolehi daripada Kementerian Pelancongan Malaysia jumlah kapal yang tiba di Terminal Swettenham Pier meningkat daripada 78 buah dalam tahun 2010 132 buah pada 2011 dan 139 buah pada 2012. Sungguhpun peningkatan kapal begitu banyak tapi kapal-kapal itu besar-besar di mana mereka boleh mengangkut lebih ramai penumpang. Itu sebab jumlah penumpang meningkat 74% dalam satu (1) tahun. Kapal-kapal pelayaran mewah seperti Royal Caribbean, Carnival Australia, selain daripada Star Cruise telah merancang untuk melabuhkan kapal mereka di Terminal Swettenham Pier Pulau Pinang pada tahun 2014.

Oleh itu Kerajaan Negeri berharap YB. Menteri Dalam Negeri dapat meluluskan pemberian visa semasa ketibaan untuk semua pelancong dari Negara China dan India yang tiba di Pulau Pinang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ataupun Swettenham Pier Pulau Pinang yang diberikan kepada pintu masuk utama di negeri-negeri lain. Penubuhan pejabat-pejabat *Consulate General* Negara China dan pemberian ini kepada pelancong dari China dan India ini yang masuk ke Negeri Pulau Pinang membantu Pulau Pinang merencanakan sektor pelancongan menjelang tahun melawat Pulau Pinang pada tahun 2015 hingga 2017. Berkaitan dengan warisan. Saya merakamkan terima kasih sekali lagi kepada ADUN Air Itam di atas minat yang ditunjukkan untuk memelihara warisan Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui George Town Heritage telah meraikan atau menyambut George Town Festival selama sebulan tiap-tiap tahun, sempena George Town dinobatkan sebagai tapak warisan sedunia UNESCO pada 2008. Sejak daripada

itu pelbagai program menarik telah diatur dan dijalankan di bawah arahan Joe Sidek sejak tahun 2010. Festival ini mempunyai keunikannya yang tersendiri di mana pelbagai acara diadakan merangkumi dari seni persembahan bertaraf antarabangsa, merentasi kreativiti kebudayaan, tradisional, dan kontemporari, serta pelbagai lagi. Festival ini menjadi *platform* terbaik untuk mempersembahkan seni dan kebudayaan George Town yang unik. Festival menjadi acara terbesar yang menjadi *platform* penggiat seni muzik, opera, teater, filem, fesyen dan kebudayaan sama ada tempatan mahupun luar negara, untuk dengan mempersembahkan keunikan landskap kebudayaan dan budaya warisan dunia. Yang penting sekali dia berjaya mempromosikan Pulau Pinang di pentas dunia hub budaya seni Malaysia sehingga terkenal di seluruh dunia dengan mural dinding pelukis dunia Ernest Zacharevic.

Jumlah program yang dijalankan telah meningkat bagi setiap tahun. Bagi Tahun 2010 hanya 54 program melibatkan 400 penyertaan. 2011 jumlah program 85 diikuti penyertaan tahun 2012, 93 program melibatkan penyertaan 3013 peserta dan yang terkini pada tahun 2013, 145 program daripada 93 program tahun terdahulu yang melibatkan 3,237 orang. Menurut ringkasan kewangan yang diperolehi daripada George Town Festival, rekod menunjukkan jumlah keseluruhan kos perbelanjaan sepanjang tahun festival ini yang dijalankan selama sebulan pada tahun 2008, sehari RM100,000, 2009 sehari juga RM200,000, 2010 RM400,000, 2011 RM2.5 juta di mana RM2.25 juta diberikan oleh kepada Kerajaan Negeri. Tahun 2012, RM2.8 juta di mana RM2.5 juta diberikan oleh Kerajaan Negeri. Dan pada tahun ini RM4.1 juta di mana RM3 juta datang daripada Kerajaan Negeri. Dari segi keuntungan yang diperolehi, pada tahun 2011 George Town Festival mencatat keuntungan RM42,582, 2012 defisit RM275,748 kerana kekurangan penaja dan lebih program dijalankan tetapi pada tahun 2013 George Town Festival berjaya memperolehi keuntungan sebanyak RM318,814. Kajian secara menyeluruh akan terus dijalankan bagi memastikan George Town Festival dapat dijalankan dengan jayanya setiap tahun. Walaupun mengalami defisit pada tahun 2012, jumlah pengunjung terus meningkat saban tahun. Pada tahun 2011 seramai 23,618 orang direkodkan mengunjungi festival ini. Diikuti tahun 2012 seramai 55,110 orang dan tahun 2013 seramai 87,840 orang dan ini semua membeli tiket membuat bayaran. Info berkaitan George Town Festival melalui laman sesawang rasmi George Town Festival telah berjaya menarik pengunjung untuk melawatinya saban tahun.

Pada tahun 2011 terdapat 1.37 juta pelawat, Tahun 2012 5.13 juta pelawat dan Tahun 2013 sebanyak 5.23 juta pelawat. Penganjuran festival ini bukan sahaja memberi impak positif terhadap sektor pelancongan malah pihak perhotelan juga memperolehi pulangan sebanyak RM3.7 juta pada tahun ini. George Town Festival akan kembali menemui orang ramai pada bulan Ogos tahun depan dan Kerajaan Negeri pasti dan yakin dengan kemampuan Joe Sidek sebagai Pengarah Festival ini pelbagai strategi dan program akan terus direncanakan bagi menarik lebih ramai penyertaan dalam usaha memperkenalkan seni dan kebudayaan yang bertaraf antarabangsa.

Berkenaan dengan cadangan ADUN Permatang Pasir supaya Projek Arkeologi Guar Kepah perlu diteruskan untuk menjana ekonomi penduduk setempat Kerajaan Negeri memang bersetuju membangunkan Galeri Arkeologi yang dapat menarik pelancong tempatan dan luar negara. Bagi merelisasikan hasrat tersebut Kerajaan Negeri telah mengemukakan surat kepada Menteri Penerangan Komunikasi dan

Kebudayaan Malaysia pada 9 Mei 2012, dan sekali lagi pada 7 Oktober tahun ini untuk mendapatkan peruntukan berjumlah RM3.9 juta bagi tujuan pembangunan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah dan juga proses perundangan kerana kini pewartaan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, tiada jawapan yang diterima sehingga kini oleh pihak Kerajaan Persekutuan, lanjutan itu, Kerajaan Negeri berharap pihak kementerian akan mempertimbangkan permohonan Kerajaan Negeri atas dasar kepentingan memelihara khazanah Negara. Buat sementara waktu memagarkan keseluruhan kawasan berkeluasan 2.39 ekar. TOL yang diberikan oleh Kerajaan lama untuk tujuan pertanian telah pun ditamatkan. Bagi memastikan kawasan dipagar kelak tidak akan mengakibatkan kerosakan kepada arkib yang terdapat di tapak berkenaan. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pakar dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM.

YB. Dato' di-Pertua. Potensi yang ada pada Negeri Pulau Pinang ini bagaikan tepian yang tidak bersempadan kisah perjalanan Negeri Pulau Pinang merupakan satu (1) kisah yang boleh dikatakan ajaib untuk difikirkan. Ini kerana Negeri Pulau Pinang mengalami tranformasi yang sangat berbeza daripada Kerajaan Negeri yang terdahulu, di mana kini Negeri Pulau Pinang mencapai letak duduknya sebagai watan perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi. Namun kita pasti akan jauh ketinggalan dan kalah dan dalam persaingan sekiranya kita sering terbelenggu oleh segala macam permasalahan serta perbalahan yang tiada penghujungnya. Ingatlah dunia pada hari ini tidak akan menunggu atau memperlakan tempoh perjalanannya yang kian pantas.

Sesungguhnya muafakat pembangunan dan pengagihan ini menuntut kerjasama yang jitu oleh semua Ahli Yang Berhormat dan semua golongan masyarakat demi kesejahteraan negeri yang kita cintai ini. Saya percaya segala perancangan dan hala tuju yang telah dibentangkan dan ditambah pula dengan sesi rundingan perbincangan telah berlangsung secara konstruktif memungkinkan Negeri Pulau Pinang mencapai matlamat menjadi Negeri maju bertaraf antarabangsa dan pintar menjelang 2020. Maka kita harus berwaspada, ada mana-mana kelompok yang cuba memusnahkan segala perancangan dan pencapaian menerusi dasar jahat pecah dan perintah dengan memainkan sentimen perkauman dan *extremis*. Saya yakin usaha anasir-anasir jahat untuk memecah-belahkan rakyat Pulau Pinang tidak akan berjaya kerana tradisi sejarah dan semangat harmoni serta kemalaysiaan memang jitu di kalangan rakyat majmuk Pulau Pinang yang terdedah dengan dunia antarabangsa dan mesra dengan sifat *diversity* ataupun kepelbagaian selama 227 tahun ini.

Semalam Kerajaan Negeri telah memberikan sumbangan RM300,000 kepada sepuluh (10) anggota keselamatan daripada PDRM, dan ATM yang terkorban mempertahankan kedaulatan Negara di Lahat Datu. Kehadiran YB. Menteri Dalam Negeri, amat bermakna dan Kerajaan Negeri sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada YB. Menteri Dalam Negeri, sungguhpun mungkin dari segi mata politik kita jauh, dari segi politik kita jauh di mata, tapi dari segi hati Malaysia kita dekat bersama-sama. Hati kemalaysiaan, ingat 1Malaysia atau 1Melayu tak tahu. Kehadiran YB. Menteri dan komitmen yang diberikan oleh beliau untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri membanteras jenayah dan mengekalkan keselamatan Negara diharapkan boleh memberi petunjuk, yang pentingnya kita sama-sama membangunkan Negeri demi kepentingan rakyat. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih YB. Menteri Dalam Negeri. Marilah kita menuju ke Pulau Pinang yang bertaraf

antarabangsa dan pintar yang membolehkan rakyat kita boleh hidup dengan bersih, hijau, selamat dan sihat. Sekian terima kasih YB. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Yang di- Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker untuk memberi saya peluang menggulung dalam perbahasan ini. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana telah diberi peluang untuk berkhidmat sebagai seorang EXCO Alam Sekitar, Kebajikan dan Masyarakat Penyayang dan perhatian Kerajaan Negeri melalui peruntukan yang telah diluluskan di bawah MMK Alam sekitar, Kebajikan Masyarakat bolehkan Program-program Alam Sekitar dan Kebajikan dijalankan sebaiknya. Penglibatan daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam program-program Kerajaan Negeri membuktikan bahawa masyarakat memahami dan bersama Kerajaan Negeri untuk mencapai apa yang dikehendaki sejak tahun 2009. Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai program kebajikan untuk memastikan rakyat menikmati kemakmuran hasil penjimatan yang telah dilaku oleh Kerajaan Negeri.

Perhatian Kerajaan Negeri dapat dilihat melalui peningkatan pendapatan garis kemiskinan PGK daripada RM600.00 sebulan mula dengan RM500.00 sekarang RM600.00 dan kepada RM770.00 sebulan pada tahun 2013. Dan untuk 2014 Kerajaan Negeri akan meneruskan membantu bantuan kewangan bulanan supaya penerima melepasi PGK RM790.00 dan angka status kemiskinan sifar dapat dikekalkan. Semua usaha ini dilakukan untuk memastikan kualiti hidup rakyat Negeri Pulau Pinang sentiasa berada di tahap yang terbaik dan terus diperhebatkan.

Hasrat menjadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang bebaskan kemiskinan sebelum tahun 2015, tidak mustahil untuk dicapai dengan adakan pelancaran Agenda Ekonomi Saksama (AES) bagi membasmi kemiskinan di Negeri Pulau Pinang. Di samping kejayaan-kejayaan lain sepanjang pemerintah Pakatan Rakyat. Kejayaan telah dicapai ini membuktikan Kerajaan Negeri mampu untuk mengurus dan mentadbir Negeri ini dengan lebih efektif dan tidak membuat janji-janji kosong yang boleh mencetuskan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat Negeri Pulau Pinang. Sambutan rakyat terhadap Program Penghargaan Warga Emas, Program Jenazah, Program Ibu Tunggal, Program Anak Emas, Program Pelajar Emas, Program OKU menyaksikan bahawa peningkatan kegiatan daripada rakyat seluruh Pulau Pinang menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dan memberikan bantuan dan dapat disaksikan sokongan padu di kalangan rakyat Negeri Pulau Pinang. Memang dalam Program Pelajar Emas ada nampak pada awalnya sabotaj-sabotaj menteri-menteri tertentu dan juga Barisan Nasional di mana kami tidak boleh gunakan bagi terus pada sekolah, di samping itu Barisan Nasional boleh, kami tidak boleh. Itulah perbandingannya. Dan kejayaan ini Pelajar Emas dan disambutkan tahun ini juga membuktikan bahawa ini bukan janji kosong berbanding Kerajaan Pusat apa yang terjadi.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut berusaha memperkenalkan program-program kebajikan baru untuk memperluaskan lagi ruang mengikut bantuan supaya dapat disalurkan kepada semua lapisan masyarakat iaitu Program Ibu Emas yang akan dilaksanakan pada tahun 2014. Melalui program ini ibu yang tidak bekerja akan diberi bantuan kewangan sebanyak RM100.00 satu (1) tahun. Oleh itu, cadangan YB. Dato' Permatang Pasir untuk memberi bantuan kepada pasangan yang akan melangsungkan perkahwinan pertama akan diberi pertimbangan memandangkan setiap bantuan Kerajaan Negeri terlibat implikasi kewangan dan ini akan diberi pertimbangan dan jika Kerajaan Pusat hari itu, tidak payah janji terus bagi.

YB. ADUN Sungai Pinang mencadangkan supaya Kerajaan Negeri wujudkan Tabung Khas untuk membantu penyewa rumah yang betul-betul miskin merupakan satu cadangan yang baik. Kerajaan Negeri telah membantu golongan miskin ini dengan memberi bantuan kewangan bulanan dan sebahagian daripada bantuan tersebut akan digunakan untuk membayar sewa rumah, memang dalam isu ini bahawa ada banyak orang miskin duduk di rumah PPR, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kebajikan ada bagi sumbangan, ada banyak yang mereka tidak menggunakan supaya bayar sewa. Kerajaan Negeri melalui kebajikan sedang dan akan separuh kewangan akan disalur untuk bayar sewa.

Di samping itu, YB. ADUN Sungai Acheh, mana dia, hilang diri, kerana dalam Dewan yang mulia ini telah menyatakan bahawa tidak ada tindakan yang diambil terhadap mangsa kebakaran di Batang Pinang, Sungai Acheh, tetapi mangsa tersebut sebenarnya telah dibantu dengan memberi bantuan tunai maksimum sebanyak RM5,000.00 dari Tabung Bencana Alam T.Y.T. mangsa juga telah diberikan bantuan membina semula rumah daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM35,000 dan pembinaan tersebut telah disiapkan pada 20 Oktober 2013. Apakah yang dimaksudkan bahawa, malas, tidak buat *home work*, atau tidak mari Dewan, mahu tipu dalam Dewan, saya menggunakan tipu dalam Dewan. Mana dia? kalau dia ada saya bagi peluang untuk bagi penjelasan. Usaha Kerajaan Negeri menjalankan pelbagai program kebajikan ini menjadi satu dorongan yang memperkenalkan lebih banyak program-program bersifat kebajikan, ini menjadi satu dorongan yang memperkenalkan lebih banyak program-program bersikap kebajikan yang baru serta dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Speaker, dalam alam sekitar Kerajaan Negeri tidak pernah berhenti mengambil inisiatif bagi meningkatkan dan memperbaiki alam sekitar di Negeri Pulau Pinang. Pelbagai usaha mencegah dan pengawalan pencemaran telah sedang dijalankan untuk memastikan alam sekitar kita yang bersih, sihat, selamat dan menjamin kesejahteraan kualiti hidup rakyat, Kerajaan Negeri menggunakan pendekatan melalui sekolah-sekolah untuk menggalakkan kitar semula bahan makanan untuk menjadi baja organik pada tanah dan tumbuhan. Di sini walaupun sasaran Kerajaan Pusat untuk mencapai 20% pada tahun 2020, Negeri Pulau Pinang telah mencapai 34% pada Oktober tahun 2013, *we have achieve* lebih awal kepada Kerajaan Pusat. Ini membuktikan bahawa Pulau Pinang boleh dan Pulau Pinang *leads*.

Selain daripada itu program-program tahunan terus diadakan seperti program pembersihan pantai di peringkat antarabangsa dan lain-lain di sini. Di sini saya hendak memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah dipilih dan juga ditarafkan sebagai

satu *centre of excellence* di mana IETC GEC dan juga UNITAR telah memilih Pulau Pinang sebagai satu pusat latihan untuk negara-negara di Asia Pasifik dan pagi ini saya baru sampai daripada Jepun kerana di sana Pulau Pinang diwakili oleh saya untuk menjalankan kursus-kursus kepada negara-negara Asia Pacific Region, *This Is Our International Commitment* iaitu kata *global commitment local action Penang lead*. Kerajaan Negeri telah melibatkan diri beberapa inisiatif peringkat antarabangsa seperti menjadi Ahli *Commonwealth Parliamentary Association of Climate Chief by the change networking committee* dan juga telah sekarang adalah ahli-ahli untuk menghadiri *A Conference Of the Parties (COP)* and Guangzhou initiative International Solid Waste Association dan baru ini sahaja kami memberi laporan kepada IPLA-UNCRD-International Partnership For Expanding Waste Management Services of Local Authorities di mana telah diwujudkan pada tahun 2011 dan di sini juga baru tahun ini Pulau Pinang telah menandatangani menjadi ahli CCAC dan juga *Low Carbon Society* di sini Pulau Pinang setiap tahun bertanggungjawab untuk menganjurkan satu forum *Eco-Town* untuk negara-negara lain.

YB. Dato' Speaker, di sini saya hendak sentuh ada beberapa ADUN-ADUN yang telah sentuh pada bidang tanggungjawab saya seperti YB. Machang Bubuk telah menyoal berkenaan dengan tanda hijau dan kawasan tanah lapang, memang Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti 959 hektar untuk menjadi sebagai hutan simpanan kekal iaitu semua telah diurus dan sekarang *the final stage of 959 hectares* untuk hutan simpanan.

YB. Dato' Speaker, ADUN Tanjong Bunga mengenai tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri mengelakkan pencerobohan pokok gaharu yang berulang, ini ada satu isu yang terjadi kerana terdapat pokok-pokok akar yang telah dicerobohi oleh sindiket-sindiket daripada Negara asing dan memang di atas keselamatan renjer-renjer diminta mereka berhati-hati kerana peralatan-peralatan sekarang yang disalur oleh Kerajaan Pusat kepada renjer-renjer ini tidak mencukupi dan bagaimana nak *shotgun again AK-47* dan ini memang akan tetapi juga renjer-renjer telah mencapai kejayaan dan baru-baru kes ini saya tidak dapat umumkan di sini kerana masih dalam siasatan, ada beberapa ahli-ahli sendiket telah ditangkap siasatan telah dijalankan dan ini akan di bawa ke mahkamah dan tidak patut untuk saya menyentuh semua di Dewan yang mulia ini di mana ADUN-ADUN yang hendak tahu dengan teliti bolehlah berjumpa dengan saya dan saya akan memberi keterangan.

Di sini Ahli Yang Berhormat Pulau Betong mempersoalkan Rakan Anti Kemiskinan (RAK) dan menyentuh bahawanya kutipan kewangan daripada *No Free Plastic Bag* tidak mencukupi, memang tidak cukup kerana Kerajaan Negeri bukan menunggu hasil kutipan daripada plastik beg ini untuk menjalankan program ini, memang apabila dia sentuh begini kerana adalah pengalaman hendak beri tidak cukup dan dia wujudkan satu sistem untuk membuat kutipan, kerana peruntukan kewangan untuk AES telah disiap sediakan oleh Kerajaan Negeri bukan tertakluk kepada pendapatan kutipan hasil daripada *No Free Bag Plastic Day*. Di sini saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada YB. ADUN Bertam yang meminta Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius dan usaha yang membersihkan Sungai Juru dari sisa-sisa minyak hitam, bahan toksik dan air kumbahan yang tercemar dalam sungai tersebut adalah disambut dengan baik, terima kasih, tetapi saya ingin memberitahu bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat adalah warisan apa-apa yang tidak dibuat atau tidak diambil langsung perhatian di atas alam sekitar sepanjang masa ini dan satu sebab mengapa

di Seberang Perai selalu ada banjir kilat kerana saya tidak tahu di mana Barisan Nasional meletakkan otak mereka BN adalah "*boh now*"...(dengan izin), "*boh now BN*" kerana apabila mereka dalamkan *north channel* di manakah mereka meletakkan *split head* dan di mana lokasi *split head* di hadapan Sungai Perai dan untuk makluman Ahli YB. Bertam taraf Sungai Juru pada ini kekal pada kelas tiga (3), pada dahulunya kelas lima (5), selepas usaha-usaha yang dijalankan oleh YB. Dato' Speaker sebagai EXCO pada masa itu dan Jabatan Pengairan dan Saliran dan juga usaha baik daripada YB. Padang Kota memang telah mencapai kelas tiga (3) dan kekal kelas tiga (3) kalau hendak laporan kami boleh sediakan.

Oleh yang demikian YB. Dato' Speaker, saya tidak dapat menjawab kepada semua soalan-soalan yang dibangkitkan di Dewan ini dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua dan siapa yang masih berminat untuk dapatkan jawapan bolehlah menghubungi saya dan saya berjanji akan memberikan jawapan dan dengan ini saya YB. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah pun selesai sesi penggulungan. Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2014 dibacakan bagi kali Yang Kedua, Ahli yang bersetuju katakan "Ya," dan yang tidak setuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Ya," sebulat suara.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali Yang Kedua. Rang Undang-undang ini sekarang akan dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa Perbekalan."

Setiausaha:

Jadual.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.01.

"Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan RM135,514,870."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM135,514,870 untuk Kepala B.01 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.02.

"Pejabat Tanah dan Galian RM8,805,899."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM8,805,899 untuk Kepala B.02 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.03."

"Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut RM6,924,606."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,924,606 untuk Kepala B.03 adakah menjadi sebahagian Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.04."

"Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya RM6,388,960."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,388,960 untuk Kepala B.04 adakah menjadi sebahagian Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.05."

"Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Utara RM7,441,570."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM7,441,570 untuk Kepala B.05 adakah menjadi sebahagian Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.06."

"Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah RM6,994,80."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,994,80 untuk Kepala B.06 adakah menjadi sebahagian Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.07"

"Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Selatan RM5,457,560."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,457,560 untuk Kepala B.07 adakah menjadi sebahagian Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.08."

"Jabatan Pengairan dan Saliran RM33,054,500."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM33,054,500 untuk kepala B.08 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.09."

"Jabatan Perhutanan RM3,556,610."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM3,556,610 untuk kepala B.09 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.10."

"Jabatan Taman Botani RM4,836,500."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM4,836,500 untuk Kepala B.10 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.12."

"Jabatan Kerja Raya - RM34,049,460."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM34,049,460 untuk Kepala B.12 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.13."

"Jabatan Hal Ehwal Agama RM16,605,984."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM16,605,984 untuk Kepala B.13 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.14."

"Jabatan Kebajikan Masyarakat RM9,759,630."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM9,759,630 untuk Kepala B.14 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.15."

"Jabatan Perancang Bandar dan Desa RM4,214,420."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM4,214,420 untuk Kepala B.15 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.16."

"Jabatan Kewangan Negeri RM507,150,280."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM507,150,280 untuk Kepala B.16 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.17."

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM5,807,910."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,807,910 untuk Kepala B.17 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.18."

"Jabatan Pertanian RM8,147,290."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM8,147,290 untuk Kepala B.18 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.19."

"Jabatan Mufti RM2,490,530."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM2,490,530 untuk Kepala B.19 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Kepala B.20."

"Jabatan Kehakiman Syariah RM6,053,330."

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,053,330 untuk Kepala B.20 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 1."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Fasal 1, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 2."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Fasal 2, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

"Rang Undang-undang bernama 'Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu'."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

"YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2014 telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan."

Yang di-Petua Dewan Undangan Negeri:

"Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan. Ahli yang bersetuju katakan 'Ya'. Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Ya," lebih banyak.

Setiausaha:

"Enakmen Perbekalan Tahun 2014. Maka dengan ini adalah diperundangan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali Yang Ketiga dan diluluskan."

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM238,995,320 sahaja yang tertera dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2014 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 2 Tahun 2013 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2014 itu."

Ahli yang bersetuju katakan 'Ya'. Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Ya." sebulat suara.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada jam 3.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.55 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 3.00 petang.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula.

Setiausaha:

Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang "Satu Enakmen untuk meminda Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 dibacakan bagi kali Yang Pertama."

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Rang Undang-undang dibaca bagi kali Yang Pertama."

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

YB. Yang di-Pertua, mengikut Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. "saya mencadangkan bacaan kali kedua Rang Undang-undang ini diteruskan diteruskan serta-merta."

Setiausaha:

"Rang Undang-undang Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013, bacaan kali Yang Kedua."

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama. "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) Tahun 1980 dibaca bagi kali Yang Kedua."

Yang Berhormat dan Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) Tahun 1980 mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1980 dan Enakmen ini menetapkan peruntukan mengenai Saraan Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri dan perkara-perkara yang bersampingan serta berkaitan dengannya.

Tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan adalah bagi meminda Enakmen itu, iaitu Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan iaitu berkuat kuasa pada 1 Jun tahun 2013 dan Fasal 2 untuk membuat pindaan kepada Seksyen 3 dalam Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980 iaitu menaikkan saraan bulanan bagi Ahli Dewan Undangan Negeri dari RM4,112.79 sebulan kepada RM6,000.00 sebulan.

Pindaan yang dicadangkan melibatkan saraan sebenar kepada Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu kenaikan sebanyak RM1,887.21 sebulan bagi 40 orang ahli yang melibatkan perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM75,488.40 sebulan. Pindaan ini juga melibatkan kenaikan pencen kepada mantan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang berkhidmat sebelum ini. Untuk rekod selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 seramai 140 orang boleh menerima kenaikan pencen ini.

Saya percaya dengan kenaikan ini akan mempertingkatkan lagi semangat dan usaha Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negeri. Secara keseluruhannya, kenaikan yang dicadangkan adalah amat bersesuaian dan bertepatan dengan keadaan semasa. Kenaikan ini bukan sahaja mengambil kira jenis tugas dan perkhidmatan yang perlu diberikan telah bertambah dengan ekspektasi yang tinggi daripada rakyat Negeri Pulau Pinang tetapi mengambil kira juga kadar inflasi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ialah Dewan yang paling aktif berbanding dengan Dewan Undangan Negeri yang lain di seluruh Malaysia. Kerajaan Negeri memberikan ruang dan masa mencukupi untuk perbahasan kepada pihak Pembangkang. Dewan ini pada 13 November 2008 telah meluluskan elaun bulanan sebanyak RM1,000 sebulan mengikut Seksyen 3A sebagai pengiktirafan terhadap peranan yang dimainkan oleh Ketua Pembangkang. Fasal 3 Rang Undang-undang ini dipinda ataupun Enakmen ini dipinda dengan menaikkan Elaun Ketua Pembangkang di bawah Seksyen 3A daripada RM1,000 sebulan kepada RM2,000 sebulan. Bayaran Elaun Ketua Pembangkang juga dicadangkan berkuat kuasa pada 1 Jun 2013.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Seksyen 10 kepada Enakmen ini memperuntukkan faedah kemalangan yang boleh dibayar kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Jadual kedua menetapkan bahawa Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan akan dibayar faedah tertentu seperti berikut:

- (a) jika kematian disebabkan oleh bencana yang ditanggung dalam kemalangan;
- (b) jika hilang upaya kekal disebabkan oleh bencana yang ditanggung dalam kemalangan; dan
- (c) jika bencana mengakibatkan hilang upaya kekal selain dari hilang upaya yang dinyatakan seperti di (a) dan (b) di atas.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini "Ruang II kepada Jadual Kedua Enakmen itu dipinda bagi menaikkan jumlah faedah kena dibayar bagi kematian biasa dan kematian atau hilang upaya disebabkan oleh bencana yang ditanggung dalam kemalangan bagi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Menteri, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan seperti berikut:"

- (a) Di bawah kepala Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dengan menggantikan angka RM120,000 dan RM240,000 dengan angka RM300,000.
- (b) Di bawah kepala Ketua Menteri dengan menggantikan angka RM750,000 dan RM1,500,000 dengan angka RM1,875,000.
- (c) Di bawah kepala Speaker Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan menggantikan angka RM500,000 dan RM1,000,000 dengan angka RM1,250,000.

Cadangan pindaan ini hanya melibatkan peruntukan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri jika berlakunya kejadian sedemikian. Cadangan ini iaitu menggunakan peruntukan Kerajaan adalah lebih menguntungkan Kerajaan Negeri berbanding dengan pembelian skim insurans. Melalui pindaan cadangan ini, Kerajaan Negeri tidak perlu menanggung pembayaran premium tahunan tetapi hanya menyediakan peruntukan untuk dibayar sekiranya berlaku kematian dan lain-lain bencana yang terdapat di Jadual 2.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan Negeri hanya membayar satu (1) kali sahaja kemudahan tersebut iaitu Mendiang Encik Ooi Theng Bok @ Ooi Aik Bok, mantan ADUN Sungai Bakap yang berjumlah RM40,000 pada 13 Mac 1999 kerana mendiang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya.

Dato' Yang di-Pertua. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) dan (Pindaan) 2013 diluluskan oleh Dewan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya mohon menyokong.

Memandangkan Usul Enakmen Rang Undang-undang ini dibentangkan bagi pendapat saya, ini adalah Fasal yang sesuai oleh sebab satu (1) ialah setelah lima (5) tahun Kerajaan Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan di Pulau Pinang kita telah dapat membuktikan kepada rakyat yang kita dapat berkhidmat ke satu tahap yang dapat diterima. Oleh sebab itulah Kerajaan Pakatan Rakyat diundi kembali diberi mandat pada tahun kedua, oleh yang demikian sudah sampailah masanya di mana kita memberi perhatian kepada usaha yang telah diberi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN-ADUN, kepada rakyat dan ini memandangkan juga ekspektasi pengundi rakyat sudah meningkat di tahun yang kedua ini. Oleh yang demikian, saya berpendapat, tambahan ini adalah sangat sesuai dan tepat pada masanya. Kita juga dapat membuktikan yang kenaikan Ketua Pembangkang 100% adalah Ketua Pembangkang, ini menunjukkan yang Kerajaan Pakatan Rakyat yang mencadangkan, pindaan Enakmen ini memberi perhatian dan juga *importance* ...(dengan izin) kepada pembangkang dalam mentadbir, dalam membahas di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbincangan Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesiapa yang ingin mengambil bahagian dalam sesi perbincangan, dipersilakan. YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya turut membahaskan usul ini. Cuma saya berpandangan, bukan sahaja wakil rakyat yang bukan EXCO sahaja yang pertama bertanggungjawab mereka, bahkan EXCO-EXCO dan Y.A.B. Ketua Menteri juga bertanggungjawab mereka juga bertambah. Kita melihat Ketua Menteri terlampau banyak kerja sampai *meeting* pun tak sempat nak pergi. Terpaksa menghantar wakil orang, sampai malam dan sebagainya. Sibuk mereka ini. Maka kalau mereka boleh mencadangkan supaya ADUN dinaikan saraan mereka. Saya mencadangkan juga supaya EXCO dan Ketua Menteri juga dinaikkan 10% elaun mereka. Bagi menggambarkan yang mereka juga adalah orang yang berhak mendapat kenaikan bukan saja ADUN-ADUN. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang sebegini. Yang pertama kita nak mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah menambahkan elaun kepada Ketua Pembangkang kami 100% sebagai seorang wanita. Sesuailah apa yang kita bincang kelmarin. YB. Dato' Speaker pun bagi masa yang panjang kepada wanita, jadi hari ini Kerajaan mengambil berat kerana Ketua Pembangkang seorang wanita maka dinaikkan elaun 100%. Dan juga terima kasih kerana ...(gangguan) kerana saya pasti, YB. Padang Lalang juga bersetuju kita kena hormat wanita. Kita kena jaga wanita. Kerana wanita pemimpin kita. Sama ada pemimpin di dapur, di rumah ataupun di luar. Dan wanita juga bagi kami lelaki ini, mereka merupakan isteri kami, mereka juga adik dan kakak kami...(gangguan). Mereka juga ibu kami yang kami sayang dan mereka juga tok kami... (gangguan), mereka juga nenek kami dan mereka juga moyang kami.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua, rakan-rakan Yang Berhormat, kita hormatlah wanita kita. Janganlah kita kata tak ketahuan punca kepada wanita kita. Bahasa indah itu, jadi oleh kerana....(gangguan). Saya punya puji wanita....(gangguan). YB. Dato' Speaker, saya ucap tahniah kepada YB. Padang Lalang sebagai Ahli EXCO Wanita yang telah berjaya meningkatkan imej wanita dan telah berjaya mempengaruhi YB. Dato' Speaker. kerana Dato' Speaker telah memberi masa yang panjang bincang soal wanita....(gangguan), nanti tak habis lagi.

YB. Dato' Speaker, oleh kerana YB. Dato' Hajah Jahara, Ketua Pembangkang dah diberi tambahan 100%, pelik juga kalau Y.A.B. Air Putih selaku Y.A.B. Ketua Menteri tak naik, jadi agak janggal kerana di sana ketua, di sini ketua. Takkan ketua sini naik, ketua sana tak naik. Jadi saya mencadangkan supaya dinaikkan bukan saja 10%, malah dinaikkan 15% termasuk EXCO kerana mereka berjaya buat kerja. Sebab itu mereka menang semula. Jadi atas jasa baik mereka itu, saya menyokong supaya mereka dinaikkan 15%. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sesi perbahasan dibuka. Ya dipersila.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Hai):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya ingin menyertai perdebatan untuk Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013. Saya meneliti cadangan bil ini, terdapat tiga (3) pindaan. Pindaan Saraan bagi ADUN, Pindaan Elaun bagi Ketua Pembangkang, dan Pindaan Faedah Kematian dan Hilang Upaya Wakil Rakyat.

Saya mengalu-alukan kenaikan saranan bagi Ketua Pembangkang. Kenaikan itu bukan berdasarkan kerana Ketua Pembangkang adalah wanita. Itu tak kisah. Kerana kalau Ketua Pembangkang lelaki ataupun wanita kita tak kisah. Kerana itulah kenaikan kita. Kerana yang penting kenaikan kita adalah kerana peranan penting diberi keutamaan untuk berucap dalam Bajet *speech* dan juga apa-apa pembentangan bil, kedudukan mengikut amalan dalam *Westminster* Ketua Pembangkang adalah satu

jawatan yang penting. Kenaikan 100% ini adalah amat disokong. Saya juga menyokong pindaan terhadap faedah bagi kematian dan hilang upaya walaupun kita tidak berhasrat untuk *claim* apa-apa, *you know* tetapi memang kita tak mahu *claim* ini, kerana kematian kita tak mahu. Tapi saya *just nak record* kerana kita wakil rakyat berisiko tinggi. Kadang kala waktu tengah malam ada kebakaran di kawasan kita, kita turun juga kalau ada banjir, kita turun padang, yang kerja yang risiko tinggi dan kerja kita berat dan sentiasa berkhidmat tidak kira masa, oleh itu kita anggap ini sebagai satu insuran. Kita tak mahu *claim*.

Yang penting saya lihat yang saraan bagi ADUN. Sebelum saraan bagi ADUN saya nak ucapkan tahniah kepada YB. Dato' Speaker kerana mengedarkan satu borang soal selidik makan disediakan. Ini kali pertama, ini menunjukkan Sidang Dewan Undangan kita sudah semakin demokrasi. Menanyakan ADUN tentang, soal selidik tentang makanan. Ini kebajikan yang dialu-alukan oleh kita.

Pindaan saraan bagi ADUN, sebenarnya ramai yang tanya mengenai ini semua. Kalau saya baca-baca kali terakhir ia naik tahun 2004 dan saya melihat laporan dari surat khabar ini nyatakan Pulau Pinang kedudukan kesembilan dalam kesemua Negeri dalam elaun dalam saraan. Kedudukan kesembilan adalah sama dengan Terengganu lebih tinggi dari Pahang, Perlis dan Negeri Sembilan. Pada tahap ini kita kedudukan ke-9. Dan juga kalau saya kira-kira ia dicadangkan kenaikan dari RM4,112.79 kepada RM6,000. hanyalah sekadar 6.8% setahun sahaja. Dan kita perlu wakil rakyat yang komited yang selalu berkhidmat.

Pada pandangan saya, politik bukan satu kerja ataupun satu *promotion* dalam kerjaya kita. Ia adalah satu panggilan untuk masyarakat dan negeri. *Politics is a calling to serve the society*. Dan kita perlu mendapatkan orang-orang berkebolehan seperti kita ini, berkebolehan dan komited dalam *prime of career* untuk memasuki dalam arena politik dan berkhidmat untuk masyarakat...(dengan izin), *our system should be getting competent people in the prime of their careers to enter politics and devote a substantial part of their lives to serve in political office*. Ramai daripada kita yang *serve political office* saya baru penggal kedua. Ramai yang *serve* empat (4), lima (5) penggal di DUN sama ada di Parlimen yang *it calling to serve* dan kita juga perlukan saraan yang bersesuaian kepada wakil rakyat.

Yang sebenarnya saya dulu dari *private sector*, gaji saraan bagi ADUN tak tinggi. Ia adalah lebih kurang daripada seorang *manager* di *multinational company*. Ia adalah kurang. Kalau ia naik juga kita kurang. Tapi *it is calling to serve for society*. Orang-orang yang bila kita perlu *start forward to serve when you are in prime*, usahlah kita tunggu sampai, kalau saraan dulu rendah, kita tidak mungkin hanya dapat *attract competent person* untuk memasuki politik. Janganlah kita tunggu orang pencen baru nak masuk politik. *I mean, we need a young competent person*. Saraan yang tinggi bukanlah motivasi bagi sesiapa untuk menjadi ahli politik. Kita menjadi ahli politik kerana kita ingin *to serve* untuk berkhidmat kepada masyarakat dan juga negara. Tapi *financial sacrifice* kita tidak harus begitu besar, sehingga *discourage* orang yang berkaliber untuk memasuki politik untuk berkhidmat. Untuk seorang yang berkaliber dalam puncak kerjayanya, menyumbangkan sebahagian besar masanya untuk memegang jawatan awam politik ia adalah *financial sacrifice*. Kerana urusan Kerajaan adalah kompleks, sama ada di sebelah sini atau di sebelah sana, urusan kerajaan adalah kompleks. Kita perlu mengumpul pengalaman untuk menjadi seorang

pemimpin. Kita perlu menghadiri Sidang Dewan Negeri, bukan saja kita perlu menghadiri tetapi juga mengambil bahagian berdebat pelbagai polisi dari pelbagai sudut. Dan kita juga berinteraksi dengan berbagai pihak untuk mendapatkan sokongan mereka. Banyak kerja kita buat. Dan wakil rakyat, kadang kala kita *sacrifice our long term career planning* untuk memasuki politik. Kita *sacrifice our long term career planning* kawan-kawan kita diberi peluang. Ada yang jadi Doktor, terpaksa berhenti seketika ataupun profesion lain untuk berhenti seketika untuk *serve the people*.

Oleh itu, saya rasa seperti yang saya katakan tadi, kenaikan itu, adalah 6.8% setahun dan banyak kajian yang telah kita lakukan dari ADUN Pakatan Rakyat kita juga *declare our asset*. Telah mendeklarasi aset kita, dan nampaknya aset tak banyak semua. Dan inilah cara kita menyahut cabaran zaman supaya memasuki politik *to serve*. Saya bagi pengalaman sikit. Semalam saya duduk di belakang sebagai seorang pelajar universiti, saya duduk di belakang untuk melihat persidangan, bagaimana persidangan Dewan berlangsung. Tahun 1997 saya menjadi ahli parti politik, Ahli parti politik DAP, apabila saya dapat gaji pertama, umur 24 sebagai seorang IT *engineer* bayar ambil RM100 bayar kepada YB. Padang Lalang untuk menjadi Ahli DAP. Lepas itu sebelas (11) tahun kemudian, saya kerja kilang jadi Peguam sampai 2008, masuk Dewan ini, *is a destructive to long term career planning*. Kerana apabila kita menjadi Wakil Rakyat, kita *long term career planning* ada ada gangguan sikit.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ya, pada masa itu saya merupakan ADUN DAP yang satu-satunya dalam Dewan ini, ada tiga (3) orang datang menyertai DAP, salah seorangnya adalah Yang Berhormat Air Itam, ada dua (2) lagi yang ada seorang masih dalam Parti dan ada seorang dalam Parti tetapi dia mereka pernah bertanding tapi kalah dan tak boleh tahan lagi, yang orang ini seorang lagi yang sudah pergi kerja dia cari *career* sendiri, jadi untuk lelaki pun saya rasa bukan senang, ada ramai lagi yang cari seorang YB saya rasa ada seratus lagi yang masih berusaha. Jadi betul ini kerjaya politik bukan senang khasnya apabila kita dalam pembangkang. Jadi lebih susah lagi untuk wanita. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Air Itam terus.

Ahli Kawasan Air itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya setuju, tapi kita menyahut cabaran zaman, kerana sebagai banyak *senior-senior* saya di sini yang Bagan Jermal 1986 masuk Dewan ini, Padang Kota 1990, Sungai Puyu 1990 dan Batu Lancang 1999. Semua ini mereka masuk Ahli Politik sudah masuk Dewan ini waktu jadi pembangkang dan saya rasa berbagai semua kita berkhidmat untuk *answer*, menyahut cabaran zaman menyahut cabaran zaman terhadap perubahan, oleh itu kita memilih untuk mewakili rakyat untuk membawa perubahan. Oleh itu saya rasa cadangan saraan ini adalah berpatutan ataupun minimum supaya kita jangan kita *adjust* kepada seperti *adjust* sedikit seperti saya kata 6.8% setahun dan dengan ini kita juga sebagai ADUN kita akan berikrar untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik ataupun penglibatan yang lebih baik dari segi pembentukan Polisi Kerajaan. Dengan ini saya mohon sokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Ahli Yang Berhormat Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan saya ingin mengambil bahagian juga dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980.

YB. Dato' Speaker, Rang Undang-undang yang kita sedang bahas ini adalah bertujuan untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980, tapi yang ada di tangan kita cuma adalah satu cadangan pindaan tetapi kami semua Ahli-ahli di Dewan ini tidaklah dibekalkan sesalinan Enakmen Ibu itu, iaitu yang asal Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980. Jadi sebagai Pengamal Undang-Undang kalau kita tak ada, kita ada satu (1) Rang Undang-undang nak cadang pindaan, tapi tak ada satu (1) Enakmen yang Ibu itu, kita kadang-kadang susah untuk membuat penilaian secara keseluruhan. Jadi saya berharap Dewan ini pada sesi-sesi yang akan datang mana-mana Rang Undang-undang yang bertujuan untuk meminda Enakmen yang sedia ada itu yang Enakmen Ibu itulah yang harus dibekalkan kepada Ahli-ahli Dewan.

Yang Berhormat Dato' Speaker Enakmen Rang Undang-undang ini bercadang untuk meningkatkan saraan Ahli Dewan Undangan Negeri dari RM4,112.79 sen kepada RM6,000.00. Sebenarnya bagi saya peningkatan ini adalah sejajar dengan cabaran yang disahut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini dan tanggungjawab yang perlu kita pikul di sini. Kalau kita tengok di pasaran, pesara buruh di luar sana, tak kira sektor Swasta atau sektor Kerajaan, kalau pembayaran gaji jumlah dia semakin meningkat sekiranya kedudukan ataupun posisi jawatan itu semakin meningkat iaitu kalau di peringkat pengurusan yang tinggi ataupun tanggungjawabnya untuk membuat keputusan ataupun melaksanakan dasar-dasar syarikat dia. Pengurusnya gaji semakin meningkat dan adalah sejajar dengan *magnitude* tanggungjawab dan cabaran yang perlu dihadapi. Jadi kita tengok kita sebagai Wakil Rakyat dan ADUN kita di sini untuk menggubal dasar untuk seluruh Pulau Pinang. Jadi saya rasa di Dewan ini tugas kita berat dan apa yang kita putus ini akan mempunyai pengaruh dan kesan ke atas rakyat Pulau Pinang. Kalau tugas kita di luar Dewan ini sebagai Politik atau Wakil Rakyat di kawasan saya rasa pelbagai cabaran dan tanggungjawab kita perlu laksanakan. Jadi di sini saya berpendapat bahawa peningkatan saraan ini walaupun sedikit bagi saya dia adalah sejajar ataupun setimpal dengan *magnitude* cabaran dan tanggungjawab sebagai Ahli Undangan Dewan. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Dato' Speaker, diberi kesempatan untuk bersama-sama membahaskan Enakmen Anggota Pentadbiran dan ADUN (Saraan) 1980 dan sepertimana sokongan rakan-rakan tadi sama ada di sebelah pembangkang ataupun pihak Kerajaan kita semua sedia maklum dan saya cuma akan bawa dalam dua (2) versi. Pertama dari segi suara rakyat yang berpengalaman sebagai rakyat biasa satu ketika dahulu yang mana kalau rakyat biasa ini berurusan dengan apa juga keperluan yang berhubung kait dengan keperluan rakyat terhadap Jabatan ataupun Pejabat Kerajaan yang kadang kala rakyat biasa mempunyai pelbagai-bagai dan banyak masalah-masalah untuk diselesaikan dan saya rasa di kalangan penduduk kadang-kadang aduan-aduan terus kepada Pejabat Kerajaan yang difikirkan pada ketika itu difikirkan untuk menyelesaikan masalah mereka, mungkin satu siasatan akan dibuat oleh Ketua Jabatan untuk memberi jawapan yang memuaskan rakyat pada ketika itu.

Setiap aduan, setiap perkara yang dikemukakan kepada berlaku la lebih kurang 10 hingga 15 tahun dulu ini, sebab itu saya bawa dua (2) versi sebagai keperluan dan hak rakyat satu ketika dulu yang mana tanggungjawab kita lihat sebagai Wakil Rakyat kadang-kadang di kalangan rakyat, masyarakat, para pengundi dia orang terus kepada Pejabat-pejabat Kerajaan itu sendiri tidak menerusi Wakil Rakyat ataupun sebagai ADUN sudah tentulah kalau hari ini nak dibandingkan dengan dahulu sekarang ini Wakil Rakyat itu lebih berperanan dari apa yang berlaku masa lima (5) hingga sepuluh (10) tahun dulu. Kadang kala bila dikemukakan kepada Pejabat-pejabat Kerajaan mungkin jawapan diberikan tidak memuaskan dan masalahnya tidak dapat diselesaikan pada ketika dahulu, kalau dibuat rayuan pun kadang-kadang rayuannya ditolak.

Jadi harus diingat dan saya rasa tidak ramai pengadu pada ketika itu, yang mampu ataupun yang ada kelapangan untuk datang meminta bantuan di Pejabat-pejabat Kerajaan apatah lagi kalau di kalangan rakyat berada di luar bandar, sudah tentulah apabila mereka nak menguruskan hal-hal yang tertentu amat sukar untuk datang ke bandar kebanyakan Pejabat-pejabat Kerajaan ini berada di bandar. Kepada seseorang yang jarang-jarang berpeluang berdamping rapat dengan Pegawai Kerajaan dan Pegawai Birokrasi tentu sulit sikit, hendak tahu cara hendak merayu kepada Pegawai Kerajaan kerana golongan birokrasi ini mempunyai kuasa dan rakyat ataupun orang awam tentu merasa segan dan takut kepada mereka ini dulu bila sebut pegawai kerajaan kita dok kampung nak pergi Pejabat Kerajaan ini kadang-kadang pada ketika itu Pegawai Kerajaan tunjuk *timing* satu macam punya. Jadi kita yang duduk kampung ini nak pergi berdepan dengan Pejabat Kerajaan ini menghadapi banyak masalah nak selesaikan masalah-masalah dikemukakan dan aduan. Mungkin di setengah rakyat biasa ada masalah dan nak buat rayuan seperti ini hanya mereka menganggap pada ketika itu hanya membazir sahaja, tidak ramai pula di antara masyarakat pada ketika itu memahami selok belok pentadbiran itu dulu. Sekarang masa sudah berubah dan saya juga sekarang sebagai wakil rakyat mewakili wakil-wakil rakyat yang lain. Jadi sekarang ini kebanyakan di kalangan masyarakat khususnya pengundi-pengundi suka membuat aduan ataupun apa-apa juga masalah mereka terus kepada wakil rakyat, ini yang berlaku sekarang ini terus apa-apa masalah, apa-apa aduan apa-apa keperluan mereka akan terus berjumpa dengan wakil rakyat. Ini ialah satu saluran baru untuk membuat aduan dan rakyat diberi hak melantik wakil rakyat kita yang ada dalam

Dewan ini dipilih oleh rakyat untuk menjadi wakil rakyat kita memahami situasi ini bagaimana peranan dan bagaimana beratnya satu tugas dan kewajipan yang dibebani sebagai rakyat untuk berhadapan dengan tuntutan dan keperluan-keperluan rakyat.

YB. Dato' Speaker apabila wakil rakyat ini dibebani dengan pelbagai-bagai masalah dan kemusykilan dari pengundi rakyat dan sebagainya cara birokrasi seperti ini yang saya nampak ini ialah salah satu cara keadilan yang saya rasa cukup memuaskan sebagai wakil rakyat untuk melakukan kepada rakyat kita rasa untuk yang paling terbaik bagaimana kita boleh membantu...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Permatang Pasir, apabila Yang Berhormat Padang Pasir bercakap tentang dulu dan sekarang dan sebagainya tentang bagaimana khidmat, saya masih tak dapat jawapan sebenarnya. Yang Berhormat Permatang Pasir sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang, saya tanya kenapa mesyuarat dijalankan begitu sedikit sekali, sebab itu jawab Yang Berhormat Permatang Pasir Wakil Rakyat sebagai Yang Dipertua kenapa tak buat mesyuarat lebih banyak lagi, lihat apakah benda-benda yang boleh dibuat di Majlis Agama Islam lagi. Maklumat dah ada tak buat, tapi pandai kata orang lain tak buat dan sebagainya....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

YB. Dato' Speaker, semalam Pulau Betong tak ada dalam Dewan jawapan sudah diberikan oleh Batu Maung. Jawapan boleh dapat daripada hansard boleh, semalam banyak jawapan yang telah diberi oleh Batu Maung. YB. Dato' Speaker sebenarnya negara yang lebih maju di dalam lapangan politik seperti United Kingdom, Norway, Sweden, Denmark, Perancis dan juga Amerika Syarikat dan lain-lain negara-negara maju. Saya ambil ni dari sahabat kita Kebun Bunga semalam dia sudah menjangkau jauh daripada luar Malaysia semualah negara-negara yang hebat-hebatlah.

Cara ini telah lama digunakan oleh rakyat untuk mengatasi rasa tidak puas hati mereka, kita sebagai wakil rakyat apabila mendapat sesuatu aduan akan mencuba sedaya upaya untuk mencari jalan yang terbaik untuk mengatasi masalah yang dihadapi rakyat, itu pun saya agaklah kalau kita masih lagi nak mempertahankan sebagai ADUN. Jadi perlu buat pertimbangan dengan lebih baik lagilah terhadap masyarakat dan kepada rakyat kawasan kita masing-masing. Maka peranan wakil rakyat akan melakukan yang terbaik untuk membantu rakyat kawasan jajahan, berbagai-bagai keadaan suasana yang berlaku dalam kawasan masing-masing, pada masa hujan akan berlaku banjir, tanah runtuh dan macam-macamlah kalau nak sebutkan longkang, parit, banyak ceritalah jadi makna kata kita sebagai wakil rakyat lebih memahami dan betapa keperitan hidup masyarakat apabila berlaku musibah dalam kawasan kita...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Minta penjelasan YB. Permatang Pasir, saya sikit saja, tak cukup ka minta lebih sikit ataupun nak minta tolong tambah kepada Y.A.B. Ketua Menteri hak 30%, tapi jangan macam Kerajaan Negeri Selangor sudah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh bin Man):

Nak gulung dah, sebab saya rasa semua akan bagi sokongan di atas apa yang saya ucapkan nanti, *insya-Allah* akan membawa masalah-masalah ini di peringkat yang lebih terbuka, saya rasa boleh membantu mereka. Jadi saya sebagai wakil rakyat yang boleh membawa masalah-masalah mereka di peringkat yang lebih dan mempunyai satu tanggungjawab yang saya rasa boleh peranan. Saya yakinlah kenaikan elaun saraan ini bukanlah bermakna hidup sebagai wakil rakyat akan bertambah lebih mewah, kita harus sedar sebagai wakil rakyat lebih hendak menjaga kebajikan rakyat dan kenaikan ini saya rasa amat berpatutuan dengan tugas apatah lagi dibebani dengan kenaikan barang-barang dan kenaikan-kenaikan yang lain. Secara moralnya dengan kenaikan ini akan meningkatkan lagi semangat kita sebagai wakil rakyat untuk berkhidmat dan terus berkhidmat kepada rakyat, *insya-Allah* YB. Dato' Speaker, saya mohon meyakong.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Tuan Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang perbekalan dan pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri dan saraan pindaan. Memang tadi kita sudah dengar banyak ADUN kawasan telah menceritakan bahawa betapa pentingnya sebagai wakil rakyat bukan sahaja di Dewan mahupun bertugas di setiap kawasan, kadang kala masing-masing memang tanggungjawab sebagai wakil rakyat di sini saya seorang *junior* memang sini ada banyak *senior-senior* kita dengar tiga (3) penggal Ketua Pembangkang lima (5) penggal jikalau memang untuk pengalaman dan saya rasa kenaikan gaji dan elaun itu berpatutan untuk pihak pembangkang dan juga pihak Kerajaan dan satu pesanan ataupun pandangan saya. Kita mahu lihat bahawa gaji-gaji yang sama kita pun juga menjalankan pihak-pihak pembangkang bukan saja Ketua Pembangkang dan Ahli-ahli Pembangkang supaya kita membuat kerja-kerja pemantauan bahawa kita boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri. Kalau ada apa-apa masalah memang kita boleh terus kepada EXCO-EXCO yang berkenaan mengadakan perbincangan supaya kita dapat sama-sama menyelesaikan masalah rakyat kerana kita sebagai wakil rakyat untuk memelihara kepentingan rakyat dan kalau nak bangkitkan isu-isu dalam Dewan ini memang mesti ada bukti ataupun maklumat ataupun fakta untuk sokong perbahasan tersebut dan bukan sengaja untuk membuat tuduhan kerana kita lihat bukan sahaja di Dewan ini. Maka rakyat-rakyat yang di luar mereka akan rujuk dekat sini sesi bersidang macam mana sekarang wakil rakyat bertanggungjawab di dalam Dewan, adakah mereka bertanggungjawab untuk membela kepentingan rakyat ataupun mereka *just* mendengar, ikut sesuka hati. Saya harap pihak Ketua Pembangkang dapatlah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dengan kenaikan gaji ini sama-sama supaya kita dapat sama-sama memajukan Kerajaan Negeri, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan memberi laluan kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri Saraan 1980, pindaan kepada enakmen tersebut. YB. Dato' Speaker, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini kita jangan lupa pengorbanan, usaha gigih, kerjasama yang diberikan oleh seluruh kakitangan Kerajaan sama ada kakitangan Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat yang telah banyak membantu Negeri Pulau Pinang menjadi sebuah Negeri yang maju, itu hakikatnya. Sebagai wakil rakyat kita tidak dapat berfungsi dengan sebaik mungkin tanpa kerjasama, tanpa sokongan, tanpa usaha mereka yang gigih itu, kita perlu ingat. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh kakitangan kerajaan sama ada dalam perkhidmatan Negeri ataupun Kerajaan Pusat yang selama ini telah banyak berkorban untuk Negeri Pulau Pinang khususnya.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pasukan Polis Diraja Malaysia, yang telah orang kata yang telah dapat memastikan keamanan itu di Negeri Pulau Pinang sekiranya anggota-anggota Polis Diraja Malaysia yang bertugas di Pulau Pinang tidak menjalankan tugas mereka dengan bersungguh-sungguh mungkin Negeri Pulau Pinang tidak akan aman dan rakyat Negeri Pulau Pinang tidak dapat hidup dengan aman dan damai. Jadi kita dalam sesi perbahasan ini walaupun perbahasan ini merujuk kepada saraan kenaikan saraan bagi Ahli-ahli Dewan, kita seharusnya jangan lupa bahawa tanpa mereka, tanpa sokongan, kerjasama dan pengorbanan mereka kita tidak akan berada di sini, sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi penggulungan, ada, silakan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Saya hanya nak mungkin minta bantuan dari rakan-rakan yang di sebelah Barisan Nasional. Pertama saya jadi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dan dulu, sebelum saya jadi ADUN, saya bekerja untuk Kerajaan Pusat. Sebagai ADUN saya rasa kalau rakan-rakan di Barisan Nasional boleh cuba memberi gambaran kepada Kerajaan Pusat, maknanya sekarang ini peruntukan yang ada, sebagai contoh untuk infrastruktur asas yang sepatutnya rasanya datang dan disalurkan kepada Pejabat Daerah dan juga Majlis PBT dan kalau peruntukan ini boleh disalurkan dari Kerajaan Pusat sebab mereka inilah yang jaga, yang membantu, yang membantu untuk memberi infrastruktur asas kepada penduduk yang betul-betul orang penduduk kitalah penduduk Malaysia, sebab kalau kita terlampau mempunyai satu polisi yang apa kita panggil dalam bahasa inggerisnya ...(dengan izin) *centralised* kan. Kalau sekarang ini sebagai contoh 20% daripada peruntukan belanjawan Negara ialah di Jabatan

Perdana Menteri disebabkan terdapat 27 agensi di bawah itu yang *cover the* dari pengurusan air sampai ke penguatkuasaan lori-lori, jadi saya nak sebut kalau sebagai seorang yang pernah menjadi seorang bekerja sebagai *politician* di Kerajaan Pusat, kami masa saya bekerja itu, saya *plan* saya buat merancang tetapi sebab kita terlampau jauh di Putrajaya...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penanti, yang kena mengena.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Arifin):

Yang kena mengena itu saya nak cakaplah, sebagai seorang ADUN, saya rasalah memang peruntukan yang terlampau tidak seimbang yang diberikan di peringkat mengurus penduduk. Jadi saya harap rakan-rakan kita pembangkang boleh cuba sebab rakan-rakan kita juga ADUN cuba untuk memberi satu peruntukan yang lebih seimbang untuk pembangunan penduduk di daerah masing-masing, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih kerana diberi peluang untuk bahas tentang enakmen ini. Saya setuju dengan pihak rakan-rakan yang lain beri semua alasan yang menyokong, tapi saya nak beri sedikit pandangan dari segi *socialist benefit* semangat *socialist* di mana kita harus jaga *benefit workers*, semoga dari segi *employment* dan *employee*, kita ini sebagai seorang *politician* juga dan juga boleh digelar sebagai *social worker* di mana kita, kerja kita ini dengan memang *high risk*, Kerajaan berisiko tinggi kadang-kadang dipenjarakan, jadi bila dipenjarakan, ia seterusnya jadi miskin tegar...(ketawa). Jadi pada masa itu susahlah keluarga dan rumahnya. Jadi elau ini memang kita selalu gelarkan rakyat itu bos kita, jadi patutlah kita sebagai *workers* minta bos kita memberi satu kefahaman bahawa enakmen ini memang sesuai dan juga panjangkan kepada *increment*(dengan izin) dari RM4,000.00 hingga RM6,000.00, itu RM1,880 lebih kurang 45% dan dibahagikan 10 tahun, 1 tahun lebih kurang 4.5% kalau ikut kiraan saya, lebih kurang 5%. Kalau mengikut inflasi sebenarnya sepuluh (10) tahun mungkin lima (5) hingga sepuluh (10) dan itu tak mungkin inflasi, yang sebenarnya dan juga *increment* biasanya ditetapkan lebih kurang 10% yang dijadikan apa itu formallah jadi inilah dari segi *survive employee* atau *social worker* untuk mengalakkan lebih ramai orang menjadi *full time* pekerjaan social yang penuh saya fikir ini perlu disokongkan dengan itu, saya sokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat saya sudah pandang satu *round* tak ada Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi penggulungan Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013. Silakan Padang Kota untuk membuat penggulungan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua saya ingin ucapkan terima kasih kepada YB. Batu Maung kerana menyokong saya dalam membentangkan Rang Undang-undang ini dan terima kasih kepada Pulau Betong dan Sungai Acheh yang masing-masing mencadangkan tambah 10% kepada Yang Amat Berhormat kerana kerja kuat hingga menang penggal yang kedua, dan 15% ada yang 30 tapi hilang diri. Terima kasih juga kepada YB. Air Itam yang memang siap sedia dengan *research* dia walaupun tak panjang, tetapi masih membuat *research* untuk setiap kali datang ke Dewan ucap, itu satu teladan yang baik yang boleh memberangsangkan yang muda dan yang tidak muda juga.

Terima kasih kepada YB. Bukit Tengah juga dan saya akan ulaslah rintihan Yang Berhormat bahawa Enakmen Ibu tidak disediakan, iaitu harap Dato' Yang di-Pertua yang juga dapat kenaikan gaji, ambil perhatian tentang cadangan itu sebab Enakmen Ibu tidak disediakan supaya ahli-ahli dapat memahami dengan lebih teliti. Memang di Parlimen sebab ramainya Ahli Parlimen Enakmen Ibu itu memang tidak disediakan, cuma disediakan di Pusat Sumber, mungkin sepuluh (10) *copy* atau lima belas (15) *copy*, kepada Ahli-ahli yang berminat untuk membahaskan mereka akan buat penyelidikan di Pusat Sumber ambil senaskah Enakmen Ibu itu dan buat *research* untuk menyediakan ucapan, mungkin dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kita kerana tak ramai kalau sediakan lima (5) atau sepuluh (10) *copy* kepada sesiapa yang berminat bolehlah merujuk kepada Enakmen Ibu untuk dapat satu gambaran yang lebih menyeluruh.

YB. Permatang Pasir, YB. Jawi, YB. Penaga, Penanti dan Tanjong Bunga, pengalaman kita semua sebagai wakil rakyat Ahli Dewan inilah satu-satunya Rang Undang-undang yang mesti disokong. Tak banyak pertikaian sangat walaupun di barisan Kerajaan mahupun di Pembangkang. Tetapi walaupun mesti dipersetujui tetapi perbahasan pun tidak kurang penting sebab ini satu (1) Rang Undang-undang yang amat penting, yang melibatkan kita semua sebagai Ahli Dewan yang memang ada banyak cabaran peranan tanggungjawab dan sebagainya. Perbahasan di Dewan ini adalah juga untuk menyemaikan satu budaya antara di kalangan ahli-ahli kita tentang semangat berdeewan, semangat berdeewan, bersemangat berdebat. Budaya di dalam Dewan kita perlu kesinambungan tokoh-tokoh yang lama-lama untuk dikesinambungkan kepada pelapis-pelapis, pemuda-pemuda supaya semangat berdeewan ini dapat diperturunkan, supaya generasi-generasi wakil rakyat dapat *perform* dengan lebih baik, berbanding wakil rakyat yang sebelum itu. Saya juga terima kasih atas kesempatan membawa Rang Undang-undang ini. Saya masuk Dewan sini tahun 1990 lepas itu ke Dewan Rakyat boleh dikatakan beratus-ratus kalau tak seribu Rang Undang-undang yang dibahaskan, tetapi nak membawa satu Rang Undang-undang sebagai pencadang ini kali pertamalah, kali pertama berkesempatan untuk mencadangkan satu Rang Undang-undang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Padang Kota, Rang Undang-undang dia akan diluluskan, tetapi permintaan kita ini untuk berlaku untuk kerja kuat EXCO dan Ketua Menteri. Adakah juga dibuat pertambahan perubahan pada Rang Undang-undang itu? Sebab saya tidak

mahu lepas ini mendengar komen daripada EXCO mengatakan tak apalah ADUN dah naik dah kami tak naik atau dengan begitu kalau boleh persetuju dalam Dewan ini naik sebegitu, oleh itu semua dapat kenaikkan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Seperti pepatah yang digunakan oleh Dato' Ketua Pembangkang kalau lewatlah nasi sudah jadi bubur. Tak sempat buat pindaan pun, kalau mahu mungkin sidang yang akan datang. Kita boleh memikirkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan, penjelasan. Sikit rupanya YB. Padang Kota ini pandai, pada masa yang sama juga, saya juga nak cakaplah kucing mana yang tak makan ikan. Janganlah bagi so ini satu perbahasan lagilah tapi setakat itulah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Takut ikan yang makan kucing. Seperti mana saya kata memang ini kali pertama *in my long consider long political career*, kali pertama membawa satu Rang Undang-undang itupun terima kasihlah atas kesempatan itu dan memang Yang Amat Berhormat sendiri menceburi atau masuk Dewan sejak tahun 1986 di Parlimen YB. Bagan Jermal tahun 1986 saya dan Sungai Puyu tahun 1990 dan selepas itu ramai lagilah. Ini membuktikan bahawa politik sebenarnya boleh menjadi kerjaya yang panjang, *career* yang panjang, *career* yang *full times* pun kalau sanggup melihat ini sebagai satu cabaran memang banyak pengorbanan menjejaskan *career development* dan sebagainya, tetapi akhirnya kita semua yang menjadi wakil rakyat. Jadi Ahli Politik perlu sayang kerja ini kalau tak sayang kerja ini tak akan kita tahan berpuluh-puluh tahun sebagai Ahli Politik dan juga sebagai wakil rakyat.

Tadi saya kata kalau mesti disokong mengapa nak debat. Tetapi saya rasa itulah mengapa Rang Undang-undang ini memang penting sebab melibatkan peranan tanggungjawab kita, kadang-kala kita perlulah mungkin dalam Rang Undang-undang sedemikian kita boleh tunjuk kita *we are first and foremost a member of this house and second only members of the DAP* kah, Pakatan kah, UMNO atau Barisan Nasional itulah semangat yang perlulah kita hayati sebagai seorang ahli politik. Memang kerja-kerja politik dan wakil rakyat adalah satu komitmen dan perjuangan yang berjangka panjang, jadi kalau dalam perjalanan ini ada liku-liku jalan ada masuk penjara dan kem tahanan pun itu dianggap satu cabaran *occupational hazard* yang perlu diambil kira apabila kita memilih jalan ini. Jalan untuk menjadi Ahli Politik.

Selepas ucapan ini ramai tak maulah mungkin di belakang sana tapi saya rasa sebagai seorang Ahli Politik yang sudah hampir 27 tahun merasakan ini satu *career* yang boleh kita menawarkan diri sepanjang hayat untuk menyokong *career*, sebab memang ini satu kerja yang amat penting. Jadi saya rasa wakil rakyat perlu menggunakan Dewan ini dengan sebaik-baiknya Dewan ini kita dipilih untuk membawa masalah oleh rakyat jelata. Permatang Pasir pun tadi kata memang zaman ini pengundi-pengundi adalah mempunyai ekspektasi yang begitu tinggi terhadap wakil rakyat dan saluran-saluran pun begitu luas sekarang. Wakil rakyat nak selindung di mana-mana pun susah dengan teknologi sekarang, tak ada alasan tak terima aduan

ataupun permintaan itulah cabaran kita menggunakan apabila bersidang gunakan *platform* ini untuk *articulate* masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata, sebab kita mewakili satu kawasan pengundi yang memilih kita. Kita boleh menggunakan *platform* ini untuk *scrutinise* undang-undang atau akta-akta yang diluluskan dasar-dasar Kerajaan supaya juga kita melibatkan diri dalam *formulate* undang-undang yang baik untuk Negara kita, polisi yang baik undang-undang yang baik dan juga memajukan agenda pembangunan negeri dan agenda pembangunan Negara. Saya baru-baru ini suka tema ini *staying ahead and embrace the future*, sebagai wakil rakyat zaman ini kita sentiasa perlu berdepan untuk promosikan *spirit of* demokrasi, kalau kita tidak memainkan peranan ini siapa lagi dan mengukuhkan di dalam kes Pulau Pinang kompetensi prinsip-prinsip urus tadbir yang baik. Itulah semua tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat tak kira apa parti pun dan tempat ini dan semasa kita masih melakukan tugas di luar Dewan untuk kita bawa idea-idea yang baru sidang ini kita dengar idea-idea yang baru, Kebun Bunga melawat seluruh dunia bawa idea menjadikan Pulau Pinang sebagai tempat perfileman. Kita pun gunakan tempat dan Dewan ini untuk memenuhi ekspsektasi rakyat jelata.

Sebagai ADUN atau wakil rakyat yang khidmat begitu lama saya mungkin bolehlah nasihat kita semua *manage your time, manage your life* bukan kita sendiri susahlah kita uruskan kehidupan sebagai wakil rakyat. Kita perlu urus kita sendiri, sebelum kita dapat urus masalah rakyat jelata. Ambil lah kesempatan ini sebagai wakil rakyat untuk *enhance* diri sendiri tak kan tak mau maju diri. Dalam kesibukan menjadi wakil rakyat pun Air Itam buktikan dia boleh buat *research*, setiap kali dia mahu ucap ataupun ambil satu kursus pendek bagaimana menulis kenyataan akhbar yang lebih baik bagaimana kita boleh bertutur berucap dengan lebih atau satu ketika saya pun ambil kursus undang-undang tapi tak habislah, semasa saya jadi wakil rakyat *first year* lah lulus oleh itu tak sampai tiga suku *first year* satu suku saja atau kursus-kursus pendek, hadiri bengkel-bengkel *public administration, law, finance, IT application*. Kalau Dewan Undangan Negeri dapat menghantar ADUN-ADUN ke persidangan rantau persidangan antarabangsa seperti CPA *conference* di Johannesburg, mungkin di London atau mana-mana saya percaya ini ada faedah kepada Ahli-ahli Dewan ini. Saya rasa kenaikan gaji pada kali ini dengan kenaikan kita pun tak harap *we are not looking to be* menjadi kaya raya, sebab menjadi wakil rakyat ataupun dengan penambahan ini bukan tujuan kita menjadi kaya raya dan tak jadi pun, tetapi ini cuma satu cabaran pengorbanan kita untuk berkhidmat kepada Negara dan masyarakat kepada demokrasi dan kepada hak asasi sejagat.

Saya mengakhiri dengan mungkin kalau boleh menyentuh tentang *point-point* yang diketengahkan. Air Itam telah menyahut faedah kematian walaupun dalam perbincangan di EXCO kita berguraulah. Kita pun tak minat untuk tuntutan kalau boleh jangan, jangan, tetapi kita pun tak tahu siapa pohon. So, tetapi ini mungkinlah satu faedah yang dapat melindungi keluarga selepas kita tak ada. Itu pun satu, satu jaminan kepada Wakil Rakyat bahawa walaupun risiko dia tinggi kadang kala ditenggelam oleh banjir pun ataupun kemalangan dan sebagainya. Itu sekurang-kurangnya kita tahu walaupun pada masa itu kita tidak tahu, tapi kita tahu sekarang, keluarga kita dapat perlindungan juga. *It's a safety net*.

Jadi kita merasakan penambahan itu cukup-cukup tinggi sehingga kita rasa keluarga kita dapat keselamatan walaupun kita berkorban semasa kita menjadi wakil rakyat. Saya rasa yang lain saya pun sudah ulas cuma saya nyatakan bahawa memang Enakmen ini digubal tahun 1980 dalam 30 dengan RM2,000.00 kepada ADUN pada masa itu. Sekarang sudah tahun 2013. *It takes 33 years from RM2,000.00 to reach RM6,000.00 which is a very long time.* Jadi itu menggambarkan dari segi ini kerajaan lebih *conservative* sebab peka kepada suara rakyat, peka kepada suara rakyat supaya mana-mana penambahan adalah sesuai dengan keadaan. Jadi kita merasakan kenaikan pada kali ini dengan keistimewaan yang lain-lain adalah sesuai dengan keadaan pada masa kini. Dan lain-lain cadangan saya terpulanglah kepada Ketua Menteri untuk menimbang cadangan-cadangan oleh YB. Pulau Betong, Sungai Acheh dan Telok Bahang. Sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013 dibacakan bagi kali Yang Kedua.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak setuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebulat suara.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat "Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 1."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Fasal 1. Adakah menjadi sebahagian daripada undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 2."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Fasal 2. Adakah menjadi sebahagian daripada undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 3."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Fasal 3. Adakah menjadi sebahagian daripada undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 4."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Fasal 4. Adakah menjadi sebahagian daripada undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB.Chow Kon Yeow):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon melaporkan bahawa "Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013" telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibaca bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Semua setuju. Tiada bantahan.

Setiausaha:

"Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013. Maka dengan ini adalah diperundangan oleh kuasa undangan Negeri Pulau Pinang."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, "Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali Yang Ketiga dan diluluskan."

Setiausaha:

Usul daripada YB. Ahli Kawasan Bagan Jermal.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Speaker. Saya memohon mencadangkan supaya "Dewan ini meluluskan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Pulau Pinang seperti yang dikehendaki oleh Peraturan di bawah Seksyen 10(1)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972) (Akta 61).

YB. Dato' Speaker, sepertimana sedia maklum Kerajaan Persekutuan mengagihkan peruntukan pemberian penyenggaraan jalan negeri mengikut ketetapan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan-jalan negeri di negeri masing-masing. Pemberian untuk menyenggara jalan negeri adalah dikira berdasarkan Peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan.

Majlis Kewangan Negara pada 27 Februari 1993 telah bersetuju supaya mulai tahun 1994 pemberian penyenggaraan jalan negeri dicarum terus ke dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan negeri yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Berkaitannya Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Pulau Pinang telah diwujudkan pada 1 Januari 1994 di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957, Semakan 1972.

Pada 2010, Jabatan Kewangan Negeri telah menyemak dan membaharui semula arahan amanah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Pulau Pinang dan ianya diwujudkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), supaya seiring dengan peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Pada tahun 2011, selanjutnya Kementerian Kewangan telah menjalankan pengauditan menyeluruh ke atas pengurusan peruntukan pemberian penyenggaraan jalan negeri di semua negeri dan mengenal pasti beberapa isu iaitu:

- (1) Penubuhan akaun amanah yang tidak mematuhi keperluan perundangan supaya diletakkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61);
- (2) Tafsiran penyenggaraan yang tidak jelas;
- (3) Kebenaran penggunaan wang amanah yang tidak selari dengan tujuan sebenar pemberiannya;
- (4) Pendaftaran panjang dan lebar jalan yang tidak tepat.

Dalam pengauditan tersebut juga telah didapati bahawa kebanyakan negeri tidak menggunakan sepenuhnya jumlah pemberian tahunan yang disediakan untuk penyenggaraan jalan dan mempunyai jumlah baki yang besar dalam akaun amanah masing-masing. Daripada prestasi perbelanjaan tahun 2012 sebanyak empat (4) negeri mencatat perbelanjaan kurang daripada 50%. Sebanyak empat (4) negeri mencatat perbelanjaan antara 75% hingga 100%. Manakala lima (5) negeri lagi mencatat perbelanjaan melebihi 100%, iaitu dengan mengambil kira jumlah baki akaun amanah yang terkumpul dari tahun 2011.

Negeri Pulau Pinang adalah antara lima (5) Negeri yang mencatat perbelanjaan melebihi 100% dan mempunyai baki terkumpul dalam akaun amanah pada 31 Disember 2012 sebanyak RM22.62 juta. Jumlah terkumpul ini adalah yang terendah berbanding dengan negeri-negeri lain. Ini bermakna bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berupaya membelanjakan pemberian tahunan yang diterima untuk tujuan penyelenggaraan jalan-jalan negeri.

Lanjutan daripada penemuan audit berkaitan, Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 30 Julai 2013 telah bersetuju supaya satu garis panduan yang menyeluruh dan seragam disediakan untuk diguna pakai oleh semua negeri bertujuan untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit dari teguran audit dan meningkatkan prestasi kewangan sejajar dengan hasrat memastikan mutu jalan raya di negeri berada dalam keadaan terbaik dan selamat digunakan.

Garis panduan berkaitan dipersetujui supaya diguna pakai oleh semua Kerajaan Negeri dan agensi mulai 31 Julai 2013. Garis panduan tata cara pengurusan pemberian penyenggaraan jalan Negeri digubal bagi mencapai maksud berikut:

- (1) Memastikan pengurusan peruntukan jalan raya negeri yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri diurus dengan baik dan cekap;
- (2) Memastikan jalan-jalan negeri diselenggara bagi mengekalkan mutu jalan pada tahap maksimum;
- (3) Menjelaskan tatacara pengurusan kewangan dan teknikal kepada Kerajaan Negeri supaya pelaksanaan pengurusan pemberian penyelenggaraan jalan negeri dilaksanakan dengan cekap dan seragam; dan
- (4) Membantu pegawai pengawal dan agensi pelaksanaan menguruskan pemberian dengan teratur selaras dengan peraturan yang telah digariskan oleh undang-undang.

Garis panduan ini menetapkan supaya Kerajaan Negeri menubuhkan Akaun Amanah di bawah Seksyen 10(1)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) bagi semua Negeri di Semenanjung dan juga Sabah. Bagi Negeri Sarawak, Akaun Amanah ditubuhkan di bawah Seksyen 4 Financial Procedure (Contingency and Trust fund) Ordinance 1963. Akaun Amanah ini hendaklah dikenali sebagai Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri pula menetapkan supaya Pegawai Kewangan Negeri adalah dilantik sebagai Pegawai Pengawal.

Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal dan Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan kumpulan wang. Arahan Amanah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri menjelaskan secara terperinci tatacara pengendalian kumpulan wang, tatacara terimaan, tatacara bayaran dan juga penyimpanan rekod-rekod kewangan serta keperluan pengauditan oleh Jabatan Audit Negeri.

Sekian sahaja YB. Dato' Speaker saya memohon mencadang usul di Dewan Undangan Negeri untuk mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang sedia ada di bawah Peruntukan Seksyen 10(1)(b) Akta Tatacara Kewangan 1997 (Akta 61) dengan merujuk kepada pematuhan dan ketetapan garis panduan tata cara pengurusan pemberian penyenggaraan jalan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada sokongan untuk usul ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dalam sesi perbahasan untuk usul ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas usul ini dipersilakan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

YB. Dato' Speaker, terima kasih kerana memberikan peluang saya untuk melibatkan dalam perdebatan usul yang dikemukakan oleh Bagan Jermal. Saya telah meneliti laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 siri Ketiga yang baru-baru dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kita pada Isnin ini, empat (4) hari lalu saya membaca dari muka surat 24 sampai 54. Banyak cerita tentang JKR, Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri kerana saya baca laporan Ketua Audit Negara dari 2008 sampai sekarang saya baca semua Laporan Ketua Audit Negara. Laporan Ketua Audit Negara 2010 telah menyatakan bahawa *Malaysian Road Record Information System*, MARRIS pendaftaran jalan Negeri di Pulau Pinang tidak dikemas kini dan tidak lengkap. Dan saya nampak sekali lagi, muka surat 25 menyatakan bahawa kita punya JKR dalam perekodan *Malaysian Road Information System* juga perlu meningkatkan usaha, muka surat 45 menyatakan, rekod MARRIS masih belum dikemas kini sepenuhnya.

Saya ingin memberikan ingatan kepada Kerajaan Negeri bahawa kerana mengikut perlembagaan, Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyelenggaraan jalan negeri. Oleh itu, MARRIS *system* sangat penting. Kita rekod, kita mempunyai satu rekod yang sepenuhnya, maka kita boleh mendapat peruntukan sepenuhnya mengikut Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya kita tidak dapat merekodkan sepenuhnya, maka kita rugi. Saya nampak, saya baca Laporan Ketua Audit Negara 2010, dan 2012, perkara yang sama. Masih belum dikemas kini sepenuhnya. Kegagalan mendaftarkan maklumat jalan dengan sistem MARRIS boleh menyebabkan Kerajaan Negeri tidak menerima sepenuhnya pemberian penyelenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan.

Saya minta supaya lebih banyak sumber daripada JKR supaya mereka boleh menggembelngkan usaha dalam pendaftaran sistem MARRIS ini supaya kita tak mahu tengok lagi dalam Laporan Ketua Audit Negara dalam tahun-tahun seterusnya akan berlaku teguran ini. Kerana saya rasa ini adalah *entitlement* melalui Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri perlu mendapat peruntukan yang sepenuhnya kerana kita telah meneliti, wang ini besar juga, RM199 juta daripada Kerajaan Persekutuan dari segi penyelenggaraan jalan negeri.

Dalam laporan ini saya nampak juga rekod MARRIS tidak dikemas kini dan beberapa perkara lagi. Pelaksanaan kerja penyelenggaraan tidak dibuat dengan berkesan. Saya faham masalah penyelenggaraan jalan adalah penting. Penyelenggaraan jalan di Pulau Pinang adalah penting dan kadang-kadang saya menerima aduan juga, ramai wakil rakyat terima aduan juga. Saya rasa contohnya apabila Syarikat utiliti PBA, Telekom, Tenaga Nasional, Telco Company, korek jalan kemudian lepas itu tampal balik, kadang-kadang tidak dibuat dengan elok. Maksudnya apabila kita masih ada lubang ataupun tidak rata, saya rasa kita perlu ada kawalan yang lebih ketat dari segi JKR ataupun PBT, supaya apabila *utility company* membuat korekan jalan, boleh membuat penampalan seperti sedia kala. Bukan sahaja bahagian itu yang dikorek, mungkin setengah jalan meliputi keluasan yang lebih besar dan juga kadang-kadang kita lihat juga apabila Telekom datang korek, lepas itu PBA pula datang korek. So, satu jalan yang baik, walaupun telah ditarkan oleh JKR, lepas enam (6) bulan, satu (1) tahun, syarikat-syarikat utiliti kita datang korek-mengorek semacam tak ada satu koordinasi yang elok.

Oleh itu, saya minta juga JKR, membuat penambahbaikan dari segi koordinasi dalam segi pengorekan jalan. Supaya kita dapat lihat satu *maintenance* jalan yang baik. Apa-apa pun saya menyokong tentang usaha penubuhan Kumpulan Wang Amanah ini, kerana saya rasa ia akan menambahbaikkan urus tadbir JKR dalam segi penyelenggaraan jalan Negeri dan saya ingin menyatakan dukacita juga tentang Jalan Persekutuan kita, Jalan Persekutuan kita saya nampak kerana rakyat ada yang berlubang-lubang, yang tidak diuruskan dengan baik. Rakyat biasa tidak dapat membezakan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Oleh itu, kadang-kadang Kerajaan Negeri dipersalahkan. Walaupun kita tahu jalan negeri dijaga dengan berkala. Saya meminta juga Jalan Persekutuan diberikan perhatian juga oleh JKR. Dan ini saya menyokong terhadap usul ini. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin berbahas.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak minta laluan daripada YB. Bagan Jermal. Memang saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh YB. Air Itam. Setiap kali kita terdapat jalan-jalan yang berlubang ataupun selepas ditar oleh JKR ataupun MPPP atau MPSP, tetapi kita mendapati syarikat-syarikat yang berlainan seperti Maxis, Digi, mereka akan datang untuk membuat kerja-kerja penyelenggaraan untuk mereka ada buat satu *box* yang tampung di atas jalan. So, memang ini kekurangan persefahaman. Kerana kalau JKR ataupun sesiapa pihak nak menurap semula jalan tersebut, haruslah menghubungi TNB ataupun syarikat-syarikat yang berkenaan. Pihak-pihak yang berkenaan di mana mereka adalah *box-box* di atas jalan, supaya janganlah setelah menurap, mungkin menurap di tahap lebih tinggi dan mereka akan datang untuk menggali lubang dan setengah mereka menggali, mereka kadang-kadang tak turap balik. So menyebabkan kerja-kerja membaiki atas jalan ini menjadi kurang sempurna. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Saya nak tahu yang cadangan yang untuk yang dari Tabung Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri dan juga yang baru ini, yang baru nak ditubuhkan ini, adakah dia termasuk dengan boleh digunakan untuk membina jalan-jalan kampung.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Perbahasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih, saya hanya ada satu soalan saja, saya nak tahu, Kumpulan Wang Amanah ini akan disertai oleh ahlinya berapa orang, dan siapakah mereka itu di dalam anggota tersebut.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih beri peluang ini untuk berbahas. Saya ada dua (2) bahagian, satu (1) bahagian adalah biasanya jalan raya terutamanya *federal road*, jalan *federal*, bila diadakan projek-projek baru, misalnya *laying cable* seperti yang diadakan oleh Telco Time Telecom atau TMNet yang lain-lain terutamanya *optic fibre cable* yang akan di *introduce* kepada Negeri kita ini supaya meningkatkan *WiFi* atau *broadband* kita. Dan di mana seharusnya kena ada *common trenching*...(dengan izin) diselenggara atau dikawal selia dengan betul supaya pengorekan yang seperti dahulu. Hari ini TNB, korek kemudian diturap, kemudian dikorek lagi oleh PBA dan diturap semula. Dan semua ini membazirkan dan kalau dengan adanya Kumpulan Wang Amanah ini boleh juga mengkaji semula satu *common trenching* untuk semua ini, boleh dibinakan dan *road map* nya juga dibinakan supaya kita ada data pada masa depan, bila kita nak buat projek-peojek yang baru dan ini di atas jalan di mana-mana dapat dikawal dan dilaksanakan dengan sempurna.

Satu lagi saya juga fikir harus saya bangkitkan di sini. Ini adalah lain sikitlah, saya harap selain daripada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan ditubuhkan maka juga satu Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Pengairan Laut ditubuhkan. Jalan-jalan atau *channel-channel* di perairan laut. Kalau kewangan ini boleh disampaikan untuk *cover* termasuk jalan-jalan di perairan laut, itu memang akan membantu di mana saya juga kesal bahawa tiada seorang Ahli MMK menyokong atau mempertahankan eko-sistem yang satu-satunya sepertinya di *middle bank* itu, *seagrass bed* di mana ini memang ada dalam, ada kaitan. Tapi bila kita kaitkan ini dengan perjalanan atau laluan dalam laut, ini memang berkaitan. Ini jalan di darat dan kita boleh juga fikir laluan di perairan laut kita juga dikawal, diselenggara, kalau tak

ada, nanti satu hari, ekosistem kita termasuk bakau dan muara dimusnahkan. Itu juga sama juga keadaannya dengan di darat di mana banyak ekosistem dimusnahkan kerana binaan jalan dan lain-lain. Ini adalah satu yang berkaitan. Jikalau kita nak jadi satu bandar raya antarabangsa yang pintar, saya fikir ini sangat-sangat perlu juga diambil kira oleh EXCO-EXCO tahu Kerajaan Negeri lah. Kita ambil bagi prihatin kepada semua eko jalan atas darat, kita kena juga ambil perhatian laluan di perairan laut. Misalnya ada sampah-sampah yang dibuang atau jaring-jaring yang dibuang oleh mana-mana pihak menyebabkan ikan *dolphin* mati. Dan ini adalah satu kalau kita dari segi hak asasi, hidup manusia ataupun alam sekitar, *dolphin* itu mati kerana lalu lintas ada laluan mereka sudah dijejaskan. Jadi ini berkaitan, saya fikir kita kena pandang bukan untuk masa ini sahaja lah. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Dato' Speaker, soalan. Saya cuma ada satu soalan. Bolehkah wang kumpulan amanah dipohon untuk Jalan Persekutuan sekiranya dalam keadaan kecemasan. Contohnya di KADUN saya, jalan utama di KADUN saya adalah Jalan Paya Terubong dan Jalan Lebuhraya Thean Teik adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan. Contohnya, kedua-dua jalan ini, saya pernah pohon JKR untuk membaiki tetapi mohon lebih kurang, *I think more than six months time, more than* setengah tahun tidak diperbaiki dan banyak kemalangan berlaku dan juga ADUN telah dimarahi oleh rakyat. Jadi, saya minta kalau boleh kumpulan wang amanah ini juga boleh dipakai ke atas Jalan Persekutuan sekiranya Persekutuan enggan kerana setiap kali saya memohon jawapan yang diberikan adalah tiada peruntukan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih kerana memberi peluang saya untuk megambil bahagian untuk membahas wang kumpulan amanah jalan Negeri Pulau Pinang, saya cuma ada beberapa pertanyaan di mana dalam soalan bertulis saya berkenaan dengan peruntukan MARRIS, adakah kumpulan wang amanah penyelenggaraan jalan Negeri itu adalah daripada peruntukan MARRIS sebab daripada jawapan yang saya dapat soalan bertulis saya dapati peruntukan MARRIS itu telah berkurangan dari tahun 2010 ke 2013. Iaitu pada 2010 kita mendapat RM57,261.98, dan tahun 2011 kita hanya dapat meningkat sedikit iaitu kepada RM59,685,592 dan untuk tahun 2012 kita naik lagi dapat peruntukan MARRIS daripada Persekutuan iaitu RM65,981,247, tetapi agak malangnya pada tahun 2013 kita hanya mendapat RM23 juta sahaja. Adakah ini adalah satu kesan yang dikatakan oleh YB. Air Itam tadi sama ada rekod jalan tersebut tidak dimasukkan atau ini adalah kesan daripada Kerajaan Persekutuan yang telah memotong peruntukan kepada pihak Kerajaan Negeri disebabkan kekalahan BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. Kita tak dapat peruntukan tersebut saya nak tahu kenapa penurunan secara mendadak lebih 13% penurunan tersebut. Oleh itu saya juga sokong tadi Yang Berhormat kawasan lain bahawa memang kita memerlukan wang amanah penyelenggaraan jalan negeri yang tinggi untuk memastikan keadaan jalan dan infrastruktur dalam Negeri Pulau Pinang ini dapat sentiasa dalam keadaan baik dan sempurna, sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dalam sesi penggulungan dipersilakan YB. Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Speaker saya ucap ribuan terima kasih kepada beberapa ADUN yang berminat dan juga mengemukakan soalan-soalan dan lain lain yang berkaitan.

YB. Dato' Speaker mengikut MARRIS setakat ini di seluruh Pulau Pinang sehingga tahun 2012, tahun ini tidak kira adalah 2,750.49 kilometer, di mana 2,008.50 kilometer adalah diselenggara oleh JKR, manakala 741.97 kilometer diselenggara oleh PBT. Jadi ini adalah sehingga akhir tahun 2012, kalau mengikut kemas kini rekod-rekod MARRIS ini, Jalan JKR atau Jalan *State* panjangnya tidak tambah banyak tetapi jalan-jalan taman atau disebut sebagai jalan yang diselenggara oleh PBT memang banyak sudah tambah, sebab banyak kemajuan, banyak taman-taman baru telah dibina sebab itulah dalam Audit apabila kita menubuhkan Kumpulan Wang Amanah ini dahulunya dijaga oleh pengarah JKR sekarang Pengawai Pengawal adalah Dato' PKN, dan Dato' PKN mulai apabila ambil alih tugas utama adalah untuk *update* atau kemaskinikan MARRIS iaitu Malaysia Road Record Information System, di mana Kerajaan Pusat akan mengikut panjangnya, lebarnya jalan itu dan memberi satu (1) peruntukan kepada Negeri untuk diguna untuk menyelenggara Jalan Persekutuan.

Kerja-kerja penyelenggaraan Kerajaan Negeri di bahagian kepada tiga (3) kategori. Iaitu penyelenggaraan berkala, biasa dan kecemasan. Jadi kalau peruntukan ini atau wang ini tidak boleh dipakai untuk membina jalan baru atau melebarkan jalan atau apa-apa ia cuma boleh buat penyelenggaraan berkala, biasa atau kecemasan. Jadi dikatakan, ada banyak bezanya antara satu (1) rekod dengan yang kemudian itu, kita buat sehingga sekarang akhir tahun 2012, *this year* belum *update* lagi.

YB. Machang Bubuk ada menyoal berkenaan wang peruntukan yang diberi oleh Persekutuan, nanti saya akan jawab, semua ada dalam buku ini buku Audit ini. YB. Air Itam ada menyoal berkenaan jalan-jalan yang telah dikorek oleh pihak *utilities company* yang memang ini pada masa dahulu, sekiranya mana-mana kontraktor dia mahu mengalih mengali atau mengorek jalan yang sedia ada untuk menanam utiliti seperti paip air, kabel atau saluran najis, mereka boleh mengemukakan permohonan permit kepada JKR sekiranya jalan itu diselenggara oleh JKR atau mereka boleh memohon kepada PBT seperti MPSP kalau di Seberang atau memohon kepada MPPP di Pulau, kalau jalan jalan itu di bawah jagaan MPPP. Jadi untuk menyeragamkan permohonan permit ini kerana kadang-kadang rakyat akan mengadu siapa korek jalan ini apabila kita kena cari siapa yang dapat permit tak tahu. Jadi mulai tahun ini PDC Telco sebuah anak syarikat PDC telah diberi tanggungjawab untuk memohon permit daripada JKR, baik MPPP atau MPSP. Jadi sekiranya ada apa-apa aduan kita rujuk balik kepada PDC Telco, PDC Telco akan merujuk balik kepada siapa yang memohon kepada PDC Telco.

Buat masa sekarang syarat kita untuk mengorek jalan sangat ketat, kalau dikorek satu *trench* mungkin dua (2) kaki lebar di sebelah jalan sebelah kiri atau kanan maka syaratnya dia hendak di *resurface* dengan separuh jalan dan bukan setakat *trenching* sahaja, itu syarat pertama. Syarat kedua kita menggandakan wang cagaran itu, *double the deposit*, jadi mulai sekarang Kerajaan Negeri mengenakan syarat-syarat lebih ketat ke atas kontraktor-kontraktor yang mengorek jalan tetapi jangan dikelirukan, sebab kalau Kerajaan membaiki pengorekan jalan itu, dia tak boleh menggunakan wang amanah ini untuk penyelenggaraan jalan ini, seperti saya kata dia kena pakai deposit yang diberi oleh kontraktor.

Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri ini cuma untuk digunakan untuk kategori seperti yang saya kata tadi, kalau dia kata satu hari ada 500 buah kereta di jalan itu maka jalan itu perlu sepuluh tahun diturap semula, kalau jalan itu ada 1,000 kereta gunakan jalan itu maka lima tahun dia kena turap semula. Jadi, dia ada satu (1) garis panduan untuk menyelenggara dan apabila kita menurap muka jalan itu, itulah duit daripada Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri. Jadi apa yang dikatakan korek jalan, tidak boleh guna wang ini.

Mengenai Jalan Persekutuan sebenarnya wang ini tak boleh dipakai untuk Jalan Persekutuan, ini kita kena rujuk balik kepada Barisan Nasional kerana ini adalah satu dasar yang diputuskan oleh mereka. Saya telah jawab dalam Dewan ini di mana Jalan Persekutuan di seluruh Pulau Pinang ada 208 kilometer, dan jalan kita ini diselenggara oleh sebuah syarikat monopoli iaitu Melati Wangsa Sdn. Bhd. Kalau kita boleh katakan tiap-tiap bulan dia dapat RM1,200 untuk menjaga satu kilometer Jalan Persekutuan ini, *one thousand two hundred to maintain federal road...*(gangguan)

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bagan Jermal yang sudah jawab dalam sesi perbahasan, tidak perlu... (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Mereka minat sangat bertanya berkenaan ini...(gangguan). Jadi Melati Wangsa dapat wang itu tak buat kerja tanya balik kepada BN. Itu saja yang Machang Bubuk saya boleh baca, baca Laporan Audit 2012 yang baru dibekal atas meja kita ini, dia tidak kurang cuma yang ada...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

YB. Bagan Jermal apa yang boleh didapatkan daripada dokumen itu pun tidak perlu dibaca.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Untuk tahun ini dikatakan RM23 juta tetapi akhir tahun ini masih ada wang akan datang jadi bila akhir tahun ini wang sampai dia akan menjadi satu jumlah yang tidak kurang daripada tahun lepas, itu saja. YB Dato' Speaker saya dapat menggulungkan untuk persoalan yang dibangkitkan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat usul bahawa Dewan ini meluluskan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Pulau Pinang seperti yang dikehendaki oleh Peraturan di bawah Seksyen 10 (b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972) (Akta 61) dipinda kepada Peraturan di bawah Seksyen 10(1)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972) (Akta 61) Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." yang tidak setuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya"

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Ya" lebih banyak. Usul diterima.

Setiausaha:

Usul daripada Ahli Kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya memohon untuk menarik balik usul seperti surat saya yang bertarikh 12 Disember 2013 yang diedarkan di meja Ahli-ahli Yang Berhormat di mana usul ini ditarik balik kerana Majlis Tanah Negara pada 10 Disember 2013 memaklumkan bahawa terdapat beberapa pindaan Akta Pengurusan Strata 2013, Akta 757 dan akan dibincangkan semula dalam Majlis Tanah Negara. Usul ini akan dibentangkan semula pada Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang akan datang. Oleh yang demikian saya percaya penarikan balik usul ini adalah selaras dengan Peraturan 38 Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Usul dari Ahli kawasan Datok Keramat ditarik balik di bawah Peraturan 38 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya membuat cadangan. Saya ucapkan terima kasih kepada Dato' SUK, Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan juga Dato' Penasihat Undang-undang di atas bantuan yang diberikan untuk bukan sahaja menggubal Rang Undang-undang tapi untuk menyiapkan kerja-kerja persiapan, supaya mesyuarat Dewan Undangan Negeri kali ini dapat berjalan dengan lancar. Khususnya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Penasihat Undang-undang kerana selepas berkhidmat selama enam (6) tahun untuk Negeri Pulau Pinang, beliau akan dipindah ke satu tempat, saya rasa yang lebih kanan dan juga jawatan yang lebih penting lagi dan di sini saya bagi pihak Kerajaan Negeri ingin ucapkan

syabas dan juga terima kasih atas kerjasama yang diberikan dan juga bantuan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri selama ini...(tepuk meja) dan saya rasa dari pihak sebelah sana pun tahu, sepanjang masa ini kita harap-harapkan mungkin satu (1) hari kelak akan kembali lagi ke Pulau Mutiara yang bersinar ini. Selamat maju jaya kita ucapkan kepada beliau. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Dato' yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Dewan ditangguh pada jam 5.05 petang.